



فلیتا بروندی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.05 | SUBUH 5.15 | SYURUK 6.33 | DUHA 6.55 | ZUHUR 12.34 | ASAR 3.51 | MAGHRIB 6.34 | ISYAK 7.43 | Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 25

26 FEBRUARI 2025 / 1446 شعبان 27

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, mereka itu adalah sebaik-baik makhluk. Ganjaran mereka disisi Tuhan ialah syurga-syurga Adnun yang mengalir di bawahnya sungai-sungai mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah reda terhadap mereka dan mereka pula reda terhadap-Nya yang demikian itu ialah (ganjaran) bagi orang yang takut kepada Tuhan."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Bayinnah, ayat 7-8

PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN KUWAIT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Meshal Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait dan His Highness Sheikh Ahmad Abdullah Al-Ahmad Al-Sabah, Perdana Menteri Kuwait.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Meshal Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait dan His Highness

Sheikh Ahmad Abdullah Al-Ahmad Al-Sabah, Perdana Menteri Kuwait serta ahli-ahli kerabat diraja, kerajaan dan juga rakyat Kuwait bersempena dengan Hari Kebangsaan Kuwait yang Ke-64 Tahun.

Upacara penurunan bendera besar di ibu negara sempurna dilaksanakan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Februari. - Upacara Menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diadakan pada hari ini menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera di seluruh negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) NBD Ke-41, Tahun 2025.

Upacara diadakan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan upacara tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Timbalan Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025.

>> Muka 5

Sambutan Hari Kebangsaan wadah memperkuuh jati diri

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BERAKAS, Selasa, 25 Februari. – Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) komited untuk terus memberikan perkhidmatan ugama yang holistik, menyokong pembangunan rohani, dan memperkuuh identiti negara sebagai sebuah negara yang berdaulat dan berlandaskan ugama suci Islam.

Sehubungan dengan itu, KHEU pagi tadi menganjurkan Majlis Semarak Hari

Kebangsaan (HK) sempena Sambutan Ulang Tahun HK Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025 bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

>> Muka 3

Pelancaran SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-anak Yatim

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BERAKAS, Selasa, 25 Februari. – Sebagai salah satu usaha untuk memudahkan orang ramai menghulurkan derma khususnya bagi anak-anak yatim di negara ini, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB), Datastream Digital Sendirian Berhad (DST), Progresif Sendirian Berhad (Progresif) dan Imagine Sendirian Berhad (Imagine) melancarkan SMS Brunei

Prihatin untuk Tabung Anak-anak Yatim 1446 Hijrah / 2025 Masih hari ini, bertempat di Dewan Digadong, KKBS.

Majlis pelancaran berkenaan disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

>> Muka 4



Berita Utama



JEMAAH Tadarus Subuh Daerah Tutong anjur Majlis Khatam Al-Quran

Muka 8



KONVOI bermotor semai semangat kemerdekaan

Muka 11



PROJEK Ikhlas Semarak Kebangsaan santuni asnaf fakir, miskin

Muka 13



RENCANA

BANGUNAN Dewan Majlis kekalkan keunggulan warisan seni

Muka 20

Capai wawasan negara mampan, maju, inklusif melalui semangat patriotisme

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmani Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyarahil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita semua untuk sama-sama meraikan dan memperingati peristiwa bersejarah negara iaitu kemerdekaan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang dicapai pada 1 hari bulan Januari 1984.

Setiap kali tibanya Hari Kebangsaan (HK), kita bukan sahaja meraikan kemerdekaan, tetapi juga ditutut untuk muhasabah diri. Kita perlu bertanya kepada diri sendiri : Apakah kita sudah benar-benar memahami erti kemerdekaan?

Perlu diingat, kemerdekaan bukanlah setakat untuk memperingati detik berlakunya pada setiap tahun. Tetapi perlu juga difahami bahawa kemerdekaan adalah tanggungjawab untuk memelihara perpaduan dan membangun negara menjadikannya aman dan makmur.

Oleh itu, eloklah kita merenung : Apakah sumbangan yang telah kita sumbangkan dalam mempertahankan kemerdekaan, serta bagaimanakah pula caranya untuk kita dapat memastikan bahawa kemerdekaan yang telah dan sedang kita nikmati akan terus terpelihara untuk anak cucu kita?

Sesungguhnya, memahami erti

kemerdekaan adalah bermula dari menghargai pengorbanan mereka yang telah berjuang, dengan kita pula berganding bahu mengisi kemerdekaan yang ada, tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang.

Akhir-akhir ini, kita sering dihidangkan dengan berita-berita mengenai keadaan ekonomi negara. Ini termasuk kenyataan, bahawa terdapat kelemahan dalam usaha kerajaan memajukan sektor-sektor berkepentingan serta menyediakan peluang-peluang bagi peniaga-peniaga rakyat tempatan.

Sesungguhnya, kita tidak menafikan terdapat cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha untuk memajukan dan meningkatkan prestasi ekonomi negara. Namun demikian, kita juga masih sahaja mampu menghasilkan kejayaan dalam bidang-bidang tertentu yang menyumbangkan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), termasuk usaha ke arah kepelbagaian ekonomi.

Menyebut mengenai kepelbagaian ekonomi, berdasarkan fakta, bahawa usaha kerajaan telah pun menunjukkan pencapaian positif KDNK dalam sektor bukan minyak dan gas sejak tahun 2017 dengan purata pertumbuhan sebanyak 4.3 peratus setahun. Ini bermakna sektor ini telah meningkatkan sumbangannya kepada KDNK dari 43 peratus pada tahun 2017 kepada 54 peratus pada tahun 2023. Dalam tempoh pertumbuhan sektor tersebut, yang secara purata didorong oleh sektor industri petrokimia pada kadar 44.5 peratus, diikuti oleh sektor kewangan sebanyak 5.3 peratus, dan sektor perdagangan tempatan sebanyak 3.5 peratus.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan bersemepena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-41 bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Istana Nurul Iman.

Selain kemajuan berkaitan ekonomi negara, alhamdulillah, sehingga ke hari ini kerajaan beta masih berupaya untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan, kesihatan, keselamatan, prasarana awam serta keperluan-keperluan asas bagi kepentingan dan kesejahteraan seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

Sangat mustahak juga diingat, bahawa sebuah negara adalah ibarat sebuah

rumah besar. Kekuatannya bukan sahaja bergantung kepada tiang dan dinding yang kukuh, tetapi juga setiap penghuninya mestilah sama-sama bertanggungjawab untuk menjaga dan memeliharanya. Kejayaan dan kemakmuran negara tidak hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata, bahkan setiap lapisan masyarakat mesti turut berperanan sama.

>> Muk 4

WAKTU SEMBAHYANG

FEBRUARI MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26	RABU	27	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
27	KHAMIS	28	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.51	6.33	7.43
28	JUMAAT	29	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43
1 MAC	SABTU	30	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.50	6.33	7.43
2	AHAD RAMADAN	1	5.04	5.14	6.32	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43
3	ISNIN	2	5.04	5.14	6.31	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43
4	SELASA	3	5.04	5.14	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU Bandar Seri Begawan	KHAMIS	JUMAAT
32 25 °C rain	32 25 °C sun	32 25 °C cloudy rain
Pekan Bangar		
32 25 °C rain	32 25 °C rain	32 25 °C rain
Pekan Tutong		
32 25 °C rain	32 25 °C rain	32 25 °C rain
Kuala Belait		
32 25 °C rain	32 25 °C rain	32 25 °C rain

WallahuAlam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Sambutan Hari Kebangsaan wadah memperkuuh jati diri

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) semasa ucapan alu-aluannya.

>> Muka 1

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar serta ketua-ketua jabatan di bawah kementerian berkenaan.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-ramai dan kemudian diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan tafsirannya oleh pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB). Sementara itu, Ra'es KUPU SB

dalam ucapan alu-aluannya menyatakan, sebagai sebuah negara yang bertunjangkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB), Sambutan HK NBD bukan sekadar peringatan terhadap kemerdekaan yang kita nikmati, malah ia menjadi satu wadah untuk kita memperkuuh jati diri sebagai rakyat yang beriman, bertakwa, sentiasa menjunjung tinggi keadilan raja serta meningkatkan kesejahteraan negara.

Dalam konteks agama tambahnya, semangat kebangsaan juga perlu berpaksikan kepada nilai-nilai Islam yang luhur, yang membentuk masyarakat berakhlik, berilmu, dan berkualiti tinggi dalam meneruskan legasi kegemilangan negara dalam memelihara dan mempertahankan kemurnian Islam sebagai agama rasmi, serta menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan bernegara.

"Dengan itu, InsyaaAllah, NBD akan terus maju dan makmur dengan mendapat keberkatan Allah Subhanahu Wata'alaa," ujarnya.

Majlis diteruskan lagi dengan sesi bual bicara bertajuk 'Peranan Sistem Beraja Dalam Mempertahankan Islam Dari Perspektif Sejarah' yang dibincangkan oleh ahli-ahli panel terdiri daripada Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong; Profesor Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Profesor Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail; dan Awang Haji Mohd. Jaya bin Haji Metussin selaku Moderator.

Pada sesi bual bicara berkenaan, Dr. Haji Muhammad Hadi antara lain menyatakan syukur kepada Allah Subhanahu

Wata'ala atas kemerdekaan yang kita nikmati selama 41 tahun, yang menjadi satu warisan dan juga merupakan satu amanah bagi siapa sahaja yang bernaung dan menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya kita yang berpegang kepada agama Islam.

Menurutnya, apabila ia menjadi satu warisan dan menjadi satu legasi maka dengan sendiri ia merupakan satu amanah dan tanggungjawab tanpa mengira apa pun ugama dan budaya selagi ia berada di NBD maka ia hendaklah bukan sahaja memelihara bahkan mempertahankan sebagai cara hidup.

Manakala, Profesor Dr. Haji Awang Asbol pula berkata, tidak dinafikan bahawa Sultan-sultan Brunei banyak memainkan peranan dalam mempertahankan ugama Islam di NBD sampai ia wujud hingga kini.

Beliau seterusnya menjelaskan, raja-raja Melayu mestilah memainkan peranan dalam apa juga sistem pemerintahan, lebih-lebih lagi dalam pemerintahan Islam dan jika kita melihat peranan Sultan Sharif Ali, Sultan yang Ke-3 yang dikatakan berasal dari Taib dan keturunan daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Peranan yang dimainkan oleh Sultan Sharif Ali dalam Salasilah Raja-raja Brunei ada mengatakan baginda meneruskan syariat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mendirikan masjid, mewariskan panji-panji NBD dan perkembangan agama Islam.

Ini adalah permulaan kepada memperkenalkan undang-undang Islam yang penting kepada negara ini," ujarnya lagi.

Acara diteruskan dengan persembahan hadrah oleh para



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut (atas). Manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

pelajar Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB) diikuti dengan bacaan Doa Khas Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025.

Juga hadir pada acara berkenaan ialah mahasiswa dan mahasiswa KUPU SB, para pelajar ITQSHHB dan Sekolah-sekolah Arab serta para pegawai dan kakitangan di bawah KHEU,

belia-belia masjid dan Program Keugamaan Belia, KHEU serta Institusi-institusi Pengajian Tinggi yang lain.

Majlis Semarak HK berkenaan dikendalikan bersama oleh KUPU SB, Jabatan Pentadbiran, Bahagian Dasar dan Strategik, Jabatan Pengajian Islam, dan Bahagian Pendakwa Syarie, KHEU.



MANTAN PENERANGAN ADAKAN MAJLIS BERTAHLIL



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu khas pada Majlis Bertahlil dan Membaca Doa Arwah (kiri). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut yang berlangsung di Hotel Jeruton.

Majlis keagamaan penuh barakah itu diadakan di Hotel Jeruton, di sini, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu khas di majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman yang mana beliau juga merupakan mantan Pengarah Penerangan dari tahun 1979 hingga 1985.

Juga hadir, lebih 40 orang mantan Penerangan yang meliputi mantan Penerangan lelaki dan perempuan serta keluarga masing-masing.

Majlis dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh tetamu khas dan kemudiannya

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



disusuli dengan Majlis Bacaan Yaa Siin dan Tahlil yang dipimpin oleh Awang Haji Abd. Rahman bin Mat Yassin dan seterusnya membaca Doa Tahlil.

Menurut Setiausaha Jawatankuasa Pengangur, Awang Haji Ja'afar bin Haji Ibrahim, majlis yang diungkayahkan pada hari ini merupakan kali ketiga diadakan sejak tahun 2021 dan 2023.

Beliau berkata, majlis yang dianjurkan sempena bulan Ramadan yang bakal menjelang

tiba ini juga bertujuan bagi mengeratkan lagi jalinan silaturahim, memperkuuhkan ikatan persahabatan serta meningkatkan hubungan kerjasama kalangan mantan Penerangan.

"Majlis ini juga sebagai jambatan, titian dan platform yang amat beguna bagi mantan Penerangan untuk berinteraksi secara bersemuka, bertukar-tukar idea dan pandangan mengenai isu-isu bernegara", tambahnya.

JERUDONG, Isnin, 24 Februari. - Menjelang Bulan Ramadan yang bakal tiba dalam beberapa hari lagi, Majlis Bertahlil dan Membaca Doa Arwah yang menjadi tradisi masyarakat Brunei saban tahun diungkayahkan sama ada oleh orang perseorangan, persatuan-persatuan belia, mukim dan kampung, kementerian dan jabatan kerajaan serta pihak swasta di negara ini.

Sehubungan itu, mantan dan warga Jabatan Penerangan menerusi Jawatankuasa Ad-Hoc Mantan Penerangan juga tidak ketinggalan untuk bersama-sama memeriahkan kedatangan Bulan Ramadan yang penuh keberkatan itu dengan mengadakan Majlis Membaca Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah bagi mantan Penerangan yang telah kembali ke rahmatullah.

MAJLIS DOA KESYUKURAN ANJURAN MOFE SEMPENA HK NBD KE-41

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Februari. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) serta jabatan-jabatan di dalamnya mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Semarak Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025 bertempat di Surau Tingkat 3, Island Block, Bangunan MOFE.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Pemangku Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai

dan kakitangan MOFE serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis dimulakan dengan Solat Sunat Hajat dan diikuti dengan bacaan Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun HK NBD Ke-41 bagi Tahun 2025 oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Bengkuron, Awang Zahid Zakhwan @ Mohammad Thaib Hasbullah bin Mohd. Said.

Semarak Hari Kebangsaan dilaksanakan sebagai salah satu acara sumpingan bagi memeriahkan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41.

Di samping itu, majlis ini bertujuan bagi memohon kehadiran Ilahi agar NBD, raja, rakyat dan penduduk akan terus dikurniakan keberkatan dan sentiasa terpelihara dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bawah kepimpinan adil laila bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Semarak Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025.

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turun-temurun di atas takhta singgahsana. Majlis pada tahun ini adalah dikelolakan oleh Agensi Pelaburan Brunei, MOFE.

Pelancaran SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-anak Yatim



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyempurnakan Majlis Pelancaran SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-anak Yatim 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas). Sementara gambar bawah, Yang Berhormat semasa menyampaikan surat penganugerahan Program Biasiswa Anak Yatim Sesi 4 (2025) kepada salah seorang penerima.

>> Muka 1

Kutipan derma melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) yang dilancarkan berkenaan akan berlangsung selama sembilan bulan bermula 25 Februari 2025 dan berakhir pada 25 November 2025.

Oleh yang demikian, orang ramai bolehlah menderma melalui perkhidmatan SMS yang disediakan dengan menuai YATIM

(tanpa jarak) dan diikuti dengan jumlah yang hendak didermakan, iaitu 1, 5, 10, 15, 20, 50 atau 100.

Sebagai contoh YATIM20 (bagi derma berjumlah BND20) dan hantar kepada 38111 bagi pelanggan DST dan Progresif, manakala bagi pelanggan Imagine hantar kepada 39999.

Majlis juga diselanjurkan dengan penyerahan derma hasil kutipan SMS Brunei Prihatin yang dikumpulkan pada 1445H / 2024M daripada syarikat-syarikat

telekomunikasi.

Jumlah kutipan SMS Brunei Prihatin bagi Tabung Anak-anak Yatim 1445H / 2024M berjaya mengumpul sebanyak BND154,245.

Daripada jumlah berkenaan, sebanyak BND137,506 adalah sumbangan daripada DST, iaitu sebanyak BND127,506 adalah hasil kutipan daripada pelanggan DST dan sejumlah BND10,000 adalah sumbangan daripada pegawai dan kakitangan DST yang diserahkan oleh Naib Presiden Hal Ehwal Korporat DST Sdn. Bhd., Dayang Hajah Safrina binti Pehin Dato Haji Abdul Rahman.

Hasil kutipan SMS daripada pelanggan Progresif berjumlah BND13,029 yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Progresif Sdn. Bhd., Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Mohd. Jafar.

Manakala, Imagine pula berjaya mengumpulkan sebanyak BND3,710 yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Imagine Sdn. Bhd., Allen On.

Sumbangan - sumbangan berkenaan diterima oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

SMS Brunei Prihatin merupakan projek tahunan yang diungkayahkan bersama oleh JAPEM, RTB dan Syarikat Telekomunikasi sejak 2005 bagi membuka platform untuk memudahkan orang ramai menyalurkan sumbangan kepada anak-anak yatim yang berdaftar di bawah Pendaftaran Kebangsaan Anak-anak Yatim.

Sejak platform berkenaan dibuka, sambutan daripada orang ramai adalah sangat menggalakkan. Semua jumlah kutipan yang diterima akan disumbangkan sepenuhnya kepada Tabung Anak-anak Yatim di bawah kendalian JAPEM.

Seterusnya majlis diteruskan dengan penyampaian surat penganugerahan Program Biasiswa Anak Yatim Sesi 4 (2025) kepada dua anak yatim yang terpilih mengikuti Program BIBD ALAF, iaitu Awang Mohammad Azhar Firdaus bin Mohaimin,

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

pelajar Tahun 4 di Sekolah Rendah Sungai Siamas; dan Awang Sulaiman bin Haji Ahmad, pelajar Tahun 8 di Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Peserta yang mengikuti pembelajaran melalui Program BIBD Alaf berkenaan akan dibiayai melalui Tabung Anak-anak Yatim di bawah kendalian JAPEM. Program berkenaan merupakan salah satu inisiatif KKBS yang telah dilaksanakan sejak 2022 dan diharaskan untuk meningkatkan impak serta objektif Tabung

Anak-anak Yatim, dengan sumbangan derma daripada orang ramai juga akan disalurkan bagi membiayai pembelajaran melalui Program BIBD ALAF, sehingga tamat peperiksaan GCE 'O' level.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, selaku Pengurus Majlis, pegawai-pegawai kanan dari KKBS serta wakil daripada sektor kerajaan dan swasta.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Sebagai warganegara yang baik, tidak siapa pun yang boleh berkecuali dalam membangun negara. Banyak atau sedikit sumbangan masing-masing, itulah jasa dan pengorbanan namanya.

Di samping kita juga memahami, bahawa setiap pencapaian yang besar adalah memerlukan cita-cita dan usaha yang tidak mengenal luntur. Selagi kita berkongsi cita-cita yang sama, berdiri sebagai satu pasukan dan bekerja keras, maka kita pasti akan dapat menjulang kejayaan dan kecemerlangan.

Kita juga sedar, dalam menempuh era digital masa kini, setiap pihak khasnya generasi muda perlu merebut peluang dengan melengkapkan diri dengan kemahiran teknologi terkini. Ini boleh sahaja dilakukan melalui pemikiran yang progresif dan inovatif serta kesungguhan untuk berubah, lalu untuk itu, adalah penting untuk memupuk sikap berdikari sebagai asas meraih kejayaan dalam pembangunan.

Marilah kita bersama-sama memainkan peranan dalam membina masa depan yang lebih cerah untuk kita hari ini dan generasi yang akan datang. Semoga dengan semangat patriotisme dan perpaduan, kita akan dapat mencapai wawasan negara yang mampu, maju dan inklusif.

Akhirnya, beta suka-suka ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuk peserta, petugas dan Ahli-ahli Jawatankuasa yang bertungkus lumus dalam menjayakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun HK NBD Ke-41 pada tahun ini.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan ditujukan kepada semua lapisan rakyat, termasuk warga Perkhidmatan Awam, sama ada yang bertugas di dalam maupun di luar negara, pasukan-pasukan keselamatan, para sukarelawan termasuk belia serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta dengan irungan doa semoga kita dan negara akan sentiasa berada di dalam rahmat, pemeliharaan dan perlindungan AllahSubhanahu Wata'ala. Amin.

Sekian, Wabillah Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Upacara Menurunkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



>> Muka 1

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa 'Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam' oleh Imam Tingkat I, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop.

Seterusnya, Penurunan Bendera Besar dilaksanakan oleh Pasukan Tentera Laut Diraja Brunei dan Pasukan Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kadet Polis Diraja Brunei, Kadet Bomba dan Penyelamat serta Alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), yang bergerak masuk dengan diiringi oleh Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Upacara diteruskan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan kemudian Bendera Besar yang diturunkan diserahkan kepada tetamu kehormat majlis bagi menandakan berakhirnya pengibaran bendera di seluruh negara secara rasmi.

Upacara juga diserikan dengan persembahan sebuah buah lagu patriotik 'Puruh Bangsa' oleh Kumpulan Koir Sekolah Seri Mulia Sarjana bersama kibaran bendera kecil daripada penuntut Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam dan Pandu Puteri Brunei Darussalam.

Turut hadir ke upacara tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 serta ahli-ahli jawatankuasa kerja yang lain.



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Timbalan Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025 hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Upacara Menurunkan Bendera Besar NBD (atas dan kiri). Sementara gambar bawah, sekitar upacara berkenaan.



TUTONG, Selasa, 25 Februari. - Upacara Menurunkan Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 bagi Daerah Tutong diadakan di Kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa diketuai oleh Imam Masjid Kampung Penabai, Tutong, Awang Muhammad Abu Afiqah bin Lamit. Bendera Negara diturunkan oleh

Pasukan Polis Diraja Brunei dan seterusnya penyerahan bendera negara kepada tetamu kehormat.

Juga hadir, ketua-ketua jabatan dan cawangan kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu - penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

Daerah Tutong

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (atas). Manakala gambar atas kiri, suasana ketika upacara penurunan bendera.

Upacara Menurunkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

Daerah Temburong



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menurunkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) NBD Ke-41, Tahun 2025 bagi Daerah Temburong (atas dan atas kanan). Sementara gambar bawah kanan, Pasukan Polis Diraja Brunei semasa menyempurnakan penurunan bendera NBD.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin

TEMBURONG, Selasa, 25 Februari. - Bendera yang berkibar begitu megah sejak 15 Februari lalu bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025 bagi Daerah Temburong hari ini telah sempurna diturunkan bertempat di Kawasan Letak Kereta Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis pada upacara penurunan bendera di sini, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Turut hadir ialah Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong, Dayang Nur Adlina binti Haji Azman, selaku Penggerus Majlis; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, yang juga selaku Ketua Kampung Labu Estate dan

Piasau-Piasau, Daerah Temburong; ketua-cawangan jabatan-jabatan kerajaan, Pemangku Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Pemangku Ketua-ketua Kampung dan jemputan khas.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Kampung Belais, Awang Ahmad Muhtadi bin Madeli.

Nyanyian Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan' dipersembahkan oleh warga Jabatan Daerah Temburong.

Acara kemudiannya diteruskan dengan Upacara Menurunkan Bendera NBD yang disempurnakan oleh para anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dan seterusnya diserahkan kepada tetamu kehormat majlis.

Upacara Menurunkan Bendera

Besar NBD berkenaan menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera di premis-premis kerajaan dan swasta serta rumah-rumah

kediaman semua rakyat dan penduduk di NBD sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 bagi Daerah Temburong.



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan dan seterusnya menerima penyerahan bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) (atas dan kanan). Manakala gambar bawah, anggota-anggota PPDB semasa menurunkan bendera Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Selasa, 25 Februari. - Upacara Menurunkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) NBD Ke-41, Tahun 2025 berlangsung petang tadi di pekarangan Menara Cendera Kenangan, di sini.

Bendera NBD yang berkibar di kawasan berkenaan diturunkan sebagai menandakan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 telah berakhir.

Hadir menyaksikan upacara penurunan bendera berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Belait,

Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan dan cawangan Daerah Belait, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Majlis Perundungan Mukim dan Kampung, wakil-wakil daripada pihak swasta dan persatuan-persatuan.

Upacara dimulakan dengan Pasukan Pengibar Bendera NBD bergerak masuk yang terdiri daripada anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang

akan menurunkan bendera.

Selepas menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', bendera diturunkan oleh Pasukan Pengibar Bendera dan diserahkan kepada Pemangku Pegawai Daerah Belait untuk disimpan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat. Dengan adanya majlis berkenaan, ia menandakan bahawa atur cara sempena Hari Kebangsaan NBD berakhir.

Orang ramai juga hendaklah menurunkan bendera mereka mulai hari ini dan hendaklah melipatnya dengan kemas serta menyimpannya di tempat yang selamat dan bersesuaian.



KEKALKAN KEDAULATAN UNDANG-UNDANG, PUPUK HUBUNGAN KEHAKIMAN YANG KUKUH



YANG Berhormat Peguam Negara turut hadir pada Majlis Penyampaian Ucaptama Timbalan Presiden Mahkamah Besar United Kingdom (UK), The Right Honourable Lord Stewart Patrick Hodge dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai yang berlangsung di Bangunan Mahkamah Tinggi-Mahkamah Besar.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 25 Februari. - Keputusan kehakiman membentuk industri, mempengaruhi pasaran serta memberi kesan terhadap perniagaan dan kehidupan sehari-hari individu.

Keputusan yang dibuat oleh mahkamah bukan sahaja memberi kesan kepada undang-undang, malahan juga mempengaruhi bidang-bidang lain termasuk keputusan perniagaan, pengubal dasar dan pengguna, di mana ia dapat membina keyakinan para pelabur dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon dalam ucapan alu-aluan semasa Majlis

Penyampaian Ucaptama Timbalan Presiden Mahkamah Besar United Kingdom (UK), The Right Honourable Lord Stewart Patrick Hodge mengenai 'Impak Mahkamah Besar Terhadap Ekonomi yang Lebih Luas' atau 'The Impact of the Supreme Court on the Wider Economy', berlangsung di Bangunan Mahkamah Tinggi-Mahkamah Besar, di sini.

Terdahulu, Ketua Hakim Negara menggariskan bagaimana dalam tahun-tahun kebelakangan ini hubungan antara kedua-dua badan kehakiman telah diperkuatkan secara signifikan dan buat pertama kalinya ahli kanan dari Mahkamah Besar UK dan Judicial Committee of the Privy Council (JCPC) mengunjungi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Yang Amat Arif menyatakan

bahawa hal demikian amat penting kerana JCPC berfungsi sebagai mahkamah rayuan terakhir bagi hal-hal sivil di negara ini.

Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara mengongsikan bagaimana kerjasama kehakiman telah menjadi asas kepada hubungan antara NBD dan UK, selain menggariskan komitmen bersama antara kedua belah pihak bagi mengekalkan keadilan undang-undang dan memupuk hubungan kehakiman yang kukuh melalui pertukaran pengetahuan dan kepakaran secara kerap.

Yang Amat Arif juga melahirkan ucapan terima kasih kepada Suruhanjaya Tinggi British di NBD atas sokongan yang berterusan.

Menyentuh mengenai ucaptama berkenaan, Ketua Hakim Negara berkata bahawa pandangan dan pengetahuan Timbalan Presiden Mahkamah Besar UK memberi peluang berharga bagi dialog antara

kedua-dua badan kehakiman dan komuniti undang-undang yang lebih luas mengenai isu-isu berkaitan dengan undang-undang serta ekonomi.

Yang Amat Arif menambah bahawa hubungan antara undang-undang, perdagangan dan pembangunan ekonomitelah kukuh.

Dalam pada itu, Yang Amat Arif menzahirkan keyakinan bahawa kepercayaan orang ramai terhadap badan kehakiman dan penghakimannya menyumbang secara signifikan kepada kemakmuran ekonomi dan kedudukan global.

Sebelum ucaptama, Timbalan Presiden Mahkamah Besar UK mengadakan perjumpaan dengan Ketua Hakim Negara.

Dalam mesyuarat dua hala tersebut, Ketua Hakim Negara dan Timbalan Presiden Mahkamah Besar UK mengadakan perbincangan mengenai bidang-

bidang kerjasama termasuk memfailkan rayuan sivil kepada JCPC, kemajuan mengenai penggunaan teknologi dalam mahkamah serta pendidikan dan latihan kehakiman.

Turut hadir, Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib; Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif/Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus; dan Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British, Kapten Jonathan Caple.

Seramai 125 peserta menghadiri ucaptama tersebut termasuk peserta dari Badan Kehakiman, Pejabat Peguam Negara, Persatuan Undang-undang NBD, JPM, Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Pusat Timbangtara Brunei Darussalam, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Perdagangan Laksamana.

Juga menyertai secara dalam talian, 27 peserta dari Badan Kehakiman Indonesia, Malaysia dan Singapura termasuk Ketua Hakim Malaysia, Yang Amat Arif Tun Tengku Maimin binti Tuan Mat dari Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Timbalan Presiden Mahkamah Besar UK Lord Hodge berada di negara ini bagi Lawatan Kerja selama lima hari bermula 24 Februari hingga 1 Mac 2025.

Beliau telah berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Besar dan JCPC sejak 1 Oktober 2013 dan dilantik sebagai Timbalan Presiden pada Januari 2020.

Beliau dilantik seorang Queen's Counsel pada tahun 1996. Sebelum ini, beliau bertugas sebagai hakim di Scotland, Jersey dan Guernsey.

MPK Belimbing anjur Tahlil, Doa Arwah Sekampung

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Belimbing



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Februari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belimbing mengadakan Majlis Doa Arwah Sekampung dan Penyampaian Derma Anak-anak Yatim bagi Tahun 2025 Masihi / 1446 Hijrah bertempat di Masjid Kampung Belimbing, Subok, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat yang juga selaku Ketua Kampung Subok dan Pemangku Penghulu



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Arwah Sekampung dan Penyampaian Derma Anak-anak Yatim bagi Tahun 2025 Masihi / 1446 Hijrah dan seterusnya menyampaikan derma kepada penerima (atas dan atas kiri).

Mukim Kianggeh serta Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram.

Majlis dipengerusikan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan juga selaku Ketua Kampung Belimbing.

Dalam pada yang sama, turut berlangsung penyampaian derma anak-anak yatim yang

disampaikan oleh tetamu kehormat majlis. Sumbangan tersebut merupakan inisiatif kecil daripada penduduk kampung dalam usaha membantu golongan yang memerlukan.

Majlis diteruskan lagi dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Ketua Pemantau

Zon 4, Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haji Md. Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar.

Tujuan majlis diadakan adalah sebagai tanda penghormatan kepada ahli keluarga dan warga kampung yang telah pergi serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim khususnya dalam kalangan komuniti.

JEMAAH TADARUS SUBUH DAERAH TUTONG ANJUR MAJLIS KHATAM AL-QURAN



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Jemaah-jemaah Tadarus Subuh Masjid-masjid Daerah Tutong Ke-2. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas dan kanan). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

TUTONG, Isnin, 24 Februari. - Pejabat Hal Ehwal Masjid, Daerah Tutong dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kiudang dan Bahagian Imarah Jabatan Hal Ehwal Masjid mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Jemaah-jemaah Tadarus Subuh Masjid-masjid Daerah Tutong Ke-2 pada awal pagi tadi.

Majlis berlangsung di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kiudang dan dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub; Penghulu-penghulu Mukim; Ketua-ketua Kampung dan

Pegawai-pegawai Masjid Daerah Tutong

Lebih 150 peserta terdiri daripada Jemaah Masjid Tadarus Subuh Daerah Tutong dan juga penyertaan dari 12 buah masjid di daerah ini ikut serta dalam majlis tersebut.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah khatam yang diketuai oleh Ketua Imam masjid berkenaan, Awang Haji Mahri bin Haji Metusin.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid (SKIPPA), Awang Muhammad Ahwazul Aqil bin Abd. Rahman yang seterusnya membacakan bacaan Doa Khatam. Majlis disusuli dengan Dikir

Marhaban oleh Pegawai-pegawai Masjid Daerah Tutong serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid tersebut.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan yang dibacakan oleh imam masjid berkenaan, Awang Mohammad Hizbullah bin Haji Mohd. Noah.

Antara lain tujuan majlis itu diadakan bagi memberi peluang kepada peserta dalam mempersempurnakan bacaan Al-Quran dengan cara yang baik dan sempurna.

Majlis tersebut dihasrat bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Azmah Haji Ahad



menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir. Selain itu, ia juga diharap dapat melahirkan para jemaah yang pandai dan rajin membaca Al-Quran.



Tuaian 2,000 pohon tanaman lada merah hasil anak tempatan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hasif Matzin



TANAH JAMBU, Isnin, 24 Februari. - Pusat Pembangunan Belia (PPB) mengadakan Majlis Menuai Hasil Tanaman Lada Merah iaitu bagi 2,000 pohon tanaman cili (lada merah) yang ditanam oleh pemilik Syarikat Cahaya Agro, Awang Mohammad Wafiuddin bin Karim bertempat di PPB, Tanah Jambu, hari ini. Awang Mohammad Wafiuddin merupakan seorang lepasan Pelatih Program Agrobiz Plus Tahun 2021.

Antara tujuan utama acara ini diadakan ialah untuk menghargai penglibatan lepasan pelatih PPB yang terus berusaha dalam bidang latihan yang mereka ikuti dan juga membangunkan usaha berterusan

pihak kerajaan dan sektor swasta dalam membantu melahirkan usahawan belia dalam bidang pertanian dan perladangan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Terdahulu, Awang Mohammad Wafiuddin dalam ucapannya mengongsikan bahawa sejak memulakan perusahaan ini, pihak syarikat telah pun menanam sebanyak lapan musim untuk tanaman lada, dua musim bagi tanaman terung dan melon serta tiga musim bagi tanaman padi.

"Alhamdulillah, bermula awal tahun 2024. Pihak Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui PPB telah memberikan tapak inkubator dengan keluasan 0.7 ekar di pusat ini bagi saya untuk memulakan penanaman lada secara fertigasi dengan bantuan kewangan keusahawanan lebih kurang berjumlah BND5,000," jelasnya.

Menurutnya lagi, dengan keluasan tersebut, pihak syarikat telah berjaya menanam sejumlah 2,000 pokok lada besar menggunakan sistem fertigasi secara High Density Plant (HDP), menggunakan saiz polibeg 10 inci x 4 inci dan menggunakan media cocopeat dicampur dengan habuk kayu dan daripada penanaman musim ini sebanyak 310 kilogram lada merah telah dituai dan pihak syarikat menyasarkan hasil tuaian lada merah untuk musim ini adalah mencapai minimum 3 tan.

Beliau seterusnya melahirkan harapan agar lebih banyak Kursus-kursus Pertanian atau Program Upskilling dapat dilaksanakan bagi melahirkan lagi lebih ramai peladang belia di negara ini dan semoga industri pertanian terus berkembang maju, dapat melahirkan lebih ramai peladang muda sekali gus dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara selaras dengan tema Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41 iaitu 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

KKBS telah mewujudkan Program Bantuan Keusahawanan yang bertujuan dalam memberikan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Menuai Hasil Tanaman Lada Merah (atas). Manakala gambar bawah, pemilik Syarikat Cahaya Agro semasa bercup. Sementara gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

bantuan kewangan keusahawanan (geran mikro) kepada pengusaha-pengusaha belia di NBD.

Jumlah bantuan kewangan keusahawanan (geran mikro) yang diberikan dan disediakan adalah pada jumlah di antara BND2,000 hingga BND5,000. Jumlah yang dihulurkan adalah tertakluk kepada rancangan perniagaan yang *viable* dan *sustainable* berdasarkan kepada penilaian Jawatankuasa Bantuan Kewangan Keusahawanan, KKBS.

Tempoh pemantauan bagi pengusaha-pengusaha yang menerima bantuan adalah selama satu tahun yang mana mereka perlu mengongsikan perkembangan perusahaan mereka kepada pihak urus setia.

Sebagai salah satu inisiatif pihak KKBS melalui PPB telah menyediakan ruang inkubator bagi

para belia untuk menjalankan aktiviti keusahawanan. Inisiatif ini diharap akan dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.



KEMPEN MEMBERSIKHAN TANAH PERKUBURAN GIAT DIJALANKAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Lumapas



ANTARA yang hadir menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan Tanah Perkuburan Islam Tunjuk Langit Kampung Lumapas (atas dan kiri).

LUMAPAS, Isnin, 24 Februari. - Aktiviti gotong-royong membersihkan Tanah Perkuburan Islam Tunjuk Langit Kampung Lumapas sudah menjadi kelaziman saban tahun terutama sekali sebelum menjelangnya Ramadan.

Adanya aktiviti seumpama ini, dapat memupuk para penduduk di Kampung Lumapas 'A' dan

Kampung Lumapas 'B' untuk sama-sama menjaga kebersihan dan tidak camah mata membuat segala sampah sarap ke tempat yang disediakan.

Justeru, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumapas 'A' dan 'B' hari ini mengendalikan Aktiviti Membersihkan Tanah Perkuburan yang disertai seramai 50 penduduk

kampung tersebut.

Turut sama menyertai kerja-kerja pembersihan di sini ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong yang juga selaku Ketua Kampung Lumapas 'B' dan Pemangku Ketua Kampung Lumapas 'A', Awang Haji Saini bin Haji Maidin. Sejurus siap kerja

pembersihan, acara diselajurkan dengan bacaan tahlili yang dipimpin Awang Haji Junaidi bin Haji Abd. Rahman.

Aktiviti Membersihkan Tanah Perkuburan ini sememangnya diadakan oleh penduduk kampung bersama ahli-ahli penyelaras tanah perkuburan setiap bulan dan hari ini adalah persiapan menjelangnya

bulan Ramadan.

Tujuan aktiviti antara lain bagi mengumpulkan penduduk kampung bersama belia mengamalkan gotong-royong serta memberikan keselesaan dan keselamatan para pengunjung untuk menziarahi pusara kaum keluarga yang sudah kembali ke rahmatullah.

40 keluarga asnaf Kampung Kilanas terima sumbangan



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan semasa menyerahkan sumbangan kepada penerima (kiri). Manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Masjid Kampung Kilanas



KILANAS, Isnin, 24 Februari. - Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Kilanas mengelolakan Projek Berbagi Rezeki Sempena Menyambut Bulan Ramadan Al-Mubarak 1446 Hijrah yang disasarkan kepada asnaf (fakir miskin) yang tinggal di Kampung Kilanas.

Objektif utama program ini adalah bagi membantu meringankan beban saudara dan sahabat yang tergolong dalam asnaf yang berdaftar dengan pihak kerajaan.

Selain itu, aktiviti ini juga memberi peluang kepada masyarakat untuk menyumbang dan beramal melalui infak dan

sedekah kepada orang-orang yang memerlukan bantuan dan dengan itu dapat meraih pahala bersedekah.

Infak dan sedekah tersebut adalah berupa barang-barang makanan asasi seperti beras, gula, tepung, minyak masak, makanan dalam tin, biskut dan seumpamanya.

Sejumlah 40 keluarga asnaf menerima sumbangan sedekah yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim, selaku tetamu kehormat.

Program ini dibuka kepada AJKT Masjid Kampung Kilanas dan

dilaratkan kepada ahli-ahli keluarga serta sahabat-sahabat handai yang berhasrat untuk sama-sama beramal melalui infak dan sumbangan (sedekah).

Dengan cara ini dapat memupuk rasa pemedulian terhadap golongan yang kurang berkemampuan.

Ia sekali gus juga dapat menjalankan silaturahim antara sesama insan tanpa mengira kedudukan, pangkat dan status ekonomi di samping menimbulkan rasa kesedaran tentang nasib dan keberadaan golongan yang kurang berkemampuan serta memberikan rasa kegembiraan pada golongan diberikan bantuan di dalam aktiviti ini.

Rancangan program ini telah bermula pada 11 Februari sehingga 22 Februari 2025.

Pengerusi Majlis, Awang Mohd. Redzuan bin Haji Marzuki dan AJKT Masjid Kampung Kilanas dalam pada itu merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penyumbang infak dan sedekah yang telah sudi menyumbang dan menyokong rancangan ini di mana sambutan yang diberikan adalah sangat menggalakkan.

Pengerusi dan AJKT juga mendoakan semua amalan infak dan sedekah mereka diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan memberi balasan pahala yang setimpal dengannya.

Tidak lupa juga ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua AJKT Masjid Kampung Kilanas yang telah berusaha merealisasikan rancangan ini.

Adalah diharapkan dengan terlaksananya rancangan ini ia akan menjadi dorongan kepada masyarakat umum untuk beramal melalui sumbangan infak dan sedekah kepada mereka yang memerlukan lebih-lebih lagi di dalam suasana menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak dan Bulan Syawal 1446H yang menjelang nanti.

Memberi Makan Orang Yang Tidak Berpuasa Pada Siang Hari Bulan Ramadhan

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

BULAN Ramadhan merupakan bulan yang diwajibkan padanya berpuasa ke atas orang-orang yang memenuhi syarat-syarat wajib puasa iaitu Islam, baligh, berakal, suci daripada haidh atau nifas, bermuqim dan berdaya menunaikan puasa.

Orang yang diwajibkan berpuasa itu jika sengaja tidak berpuasa maka dia adalah berdosa dan haram baginya makan dan minum pada siang hari bagi menjaga kehormatan bulan Ramadhan. Namun semasa bulan Ramadhan, adakalanya kita dikunjungi pada siang hari oleh saudara, jiran atau sahabat yang berugama Islam, tetapi orang yang datang berkunjung itu tidak berpuasa atau orang yang berkunjung itu ialah orang bukan berugama Islam. Persoalannya, bolehkah orang yang dikunjungi itu menjamu tetamunya itu dengan makanan atau minuman? Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenainya.

Hukum memberi makan orang yang tidak berpuasa pada siang hari bulan Ramadhan ini tertakluk kepada keadaan orang yang hendak diberi makan itu. Penjelasannya seperti manapun berikut :

i. Orang Islam yang tidak wajib ke atasnya puasa.

Memberi makan pada siang hari bulan Ramadhan kepada orang Islam yang tidak wajib ke atasnya puasa seperti kanak-kanak yang belum baligh, orang sakit yang tidak berdaya mengerjakan puasa, perempuan yang haidh atau nifas dan orang musafir hukumnya adalah harus.

Walau bagaimanapun, perkara ini hendaklah tidak dilakukan di khalayak ramai bagi menjaga atau memelihara kehormatan bulan Ramadhan dan menghormati orang-orang Islam lain yang sedang berpuasa di samping bagi mengelak tohongan atau hukuman.

ii. Orang Islam yang wajib ke atasnya puasa.

Memberi makan pada siang hari bulan Ramadhan kepada orang Islam yang tidak berpuasa tanpa sebarang keuzuran dari

kalangan orang-orang yang wajib ke atasnya puasa hukumnya adalah haram. Keharaman ini adalah kerana orang yang wajib ke atasnya puasa tetapi dia tidak berpuasa tanpa sebarang keuzuran telah melakukan perkara maksiat, maka perbuatan memberi makan kepada mereka itu dianggap memberi pertolongan dan bersetuju kepada perkara maksiat dan dosa. Melakukan perkara ini juga mencemar kemuliaan dan kehormatan bulan Ramadhan.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman :
Tafsirnya : *Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketaqwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum Allah).*

(Surah al-Ma'idah : 2)
Termasuk dalam maksud memberi makan itu menjual makanan kepadanya, membeli makanan untuknya, memasak makanan untuknya dan sebagainya untuk dimakannya pada siang hari.

iii. Orang kafir.

Memberi makan orang kafir pada siang hari bulan Ramadhan juga adalah haram kerana perbuatan memberi makan kepada mereka itu dianggap memberi pertolongan dan bersetuju kepada perkara maksiat dan dosa iaitu makan dan minum pada siang hari bulan Ramadhan.

Imam ar-Ramli al-Kabir Rahimahullah menyebut dalam Hasyiyah Asna al-Mathlib :

Ertinya : *Tidak harus bagi orang Islam memberi pertolongan kepada orang kafir terhadap perkara yang tidak boleh (dilakukan) di sisi (ugama) kita seperti makan dan minum pada siang (hari) bulan Ramadhan dengan penjamuan atau selainnya.*

Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj pula dengan jelas menyebut bahawa haram orang Islam memberi makan orang bukan Islam pada siang hari bulan Ramadhan sebagaimana yang difahami dari perkataannya :

Ertinya : *Keharaman orang Islam memberi makan kepadanya (orang yang bukan Islam) pada siang hari bulan Ramadhan kerana ia merupakan pertolongan terhadap perkara maksiat.*

Menurut Imam ar-Ramli Rahimahullah dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj,

keharaman memberi makan pada siang hari bulan Ramadhan kepada orang kafir ini sama keadaannya sama ada orang yang memberi makan kepadanya itu meyakini bahawa orang kafir itu akan memakannya pada siang hari bulan Ramadhan atau ia hanya sangkaan semata-mata.


Adapun keharaman memberi makan pada siang hari bulan Ramadhan kepada orang kafir ini adalah kerana orang-orang yang bukan Islam juga diikatkan dengan hukum-hukum syaria'. Perkara ini ada dinyatakan oleh Imam al-Haramain al-Juwaini *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Burhan fi Usul al-Fiqh, beliau berkata :

Ertinya : *Dan yang zahir dari mazhab (pendapat) Imam asy-Syafi'i Rahimahullah bahawa sesungguhnya mereka (orang-orang kafir) adalah juga termasuk dalam golongan orang-orang yang dituntut mematuhi perintah engannya (perkara-perkara cabang syariat seperti puasa dan lain-lain).*

Adapun orang kafir yang kedudukannya seperti orang Islam yang tidak diwajibkan puasa seperti kanak-kanak kafir yang belum baligh, orang kafir yang sakit, perempuan kafir yang haidh atau nifas dan orang kafir yang musafir, hukum memberi mereka makan pada siang hari bulan Ramadhan adalah harus kerana perkara tersebut dibolehkan bagi orang Islam dengan syarat tidak dilakukan di khalayak ramai.

Oleh yang demikian, berdasarkan penjelasan di atas, hukum memberi makan tetamu atau orang yang berkunjung ke rumah pada siang hari bulan Ramadhan itu

"...KEHARAMAN memberi makan pada siang hari bulan Ramadhan kepada orang kafir ini sama keadaannya sama ada orang yang memberi makan kepadanya itu meyakini bahawa orang kafir itu akan memakannya pada siang hari bulan Ramadhan atau ia hanya sangkaan semata-mata."



jika tetamu itu orang Islam yang tidak wajib ke atasnya puasa, seperti orang Islam yang sedang musafir, maka hukum menjamunya dengan makanan atau minuman adalah harus. Begitu juga harus hukumnya menjamu orang kafir yang kedudukannya seperti orang Islam yang tidak diwajibkan ke atasnya puasa seperti orang kafir yang sedang musafir.

Sekiranya orang yang berkunjung itu adalah orang Islam yang wajib ke atasnya puasa, maka hukum menjamunya dengan makanan atau minuman adalah haram. Begitu juga haram hukumnya menjamu orang kafir yang kedudukannya seperti orang Islam yang diwajibkan ke atasnya puasa.

Demikian penjelasan mengenai hukum memberi makan orang yang tidak berpuasa pada siang hari bulan Ramadhan.

منجو كريضاءن الله MENUJU KEREDAAN ALLAH كلو لأن فوسة دعوه اسلاميه

"Dan perbuatan bermaaf-maafan (halal-menghalalkan) itu lebih hampir kepada takwa." (Terjemahan makna ayat Surah Al-Baqarah : 237)

SLAM merupakan agama yang syumul. Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan manusia dengan akal untuk berfikir dalam apa juah hal yang kita lakukan di muka bumi ini dan dengan itu dapatlah kita melaksanakan tanggungjawab kita sebagai Khalifah di muka bumi ini. Kita hanya makhluk Allah Subhanahu Wata'ala dan tidak akan terlepas dari melakukan kesilapan dan kesalahan. Bermaaf-maafan adalah antara sifat terpuji yang perlu dilakukan sepanjang masa. Jikalau seseorang telah melakukan hal yang menyakitkan hati pada diri kita setentunya sukar untuk diterima apalagi untuk dimaafkan. Perkara pertama yang akan muncul di minda kita mungkin, "aku inda maafkan ia pasalnya ia buat perkara yang buruk arahku yang inda dapat aku maafkan". Namun kita seharusnya

menyedari dan cermin diri ada kalanya kita sendiri telah melakukan banyak kesilapan dan sengaja melakukan dosa. Kekhilafan diri sebegini memungkinkan kita untuk mengungkapkan kitani manusia biasa, maafkantah saja.

Anjuran memaafkan

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy-Syuura, ayat 39 - 40 yang terjemahan makna ayatnya :

"Dan (juga bagi) orang-orang yang apabila dicalimi, mereka membela diri (tanpa melampaui batas). Dan balasan sesuatu kejahatan adalah kejahatan yang setimpal dengannya, maka sesiapa yang memaafkan dan berbuat baik (kepada orang yang menzaliminya) maka pahalanya dijamin oleh Allah. Sesungguhnya Dia tidak menyukai orang-orang yang zalim".

Keutamaan memberi maaf

Agama Islam menegaskan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Pemaaf dan Maha Pengampun menyuruh kita supaya selalu memaafkan kesalahan orang

seperti mana dalam Surah Al-A'raaf, ayat 199 yang terjemahan makna ayatnya :

"Jadilah seorang pemaaf dan suruhlah orang mengerjakan yang ma'ruf serta berpalinglah daripada orang-orang yang jahil."

"Jika kamu menzahirkan sesuatu kebaikan atau menyembunyikannya atau kamu memaafkan kesalahan (yang dilakukan terhadap kamu) maka sesungguhnya Allah adalah Maha Pemaaf lagi Maha Berkusa." (Terjemahan makna ayat Surah An-Nisaa, ayat 149)

Peluang kemaafan

Mohon maaf zahir dan batin itulah yang sering kali kita dengar apabila menjelangnya Hari Raya Aidilfitri, namun jauh di sudut hati adalah kita mengikhlaskannya tanyalah pada diri sendiri. Betapa indahnya Islam memberikan kesempatan kepada umatnya untuk saling bermaafan dan hendaklah kita usahakan agar kita menjadi seorang pemaaf dan saling berlapang dada untuk menghulurkan kemaafan walaupun tidak dipinta. Bersedia lah untuk memaafkan kesalahan dan keterlanjuran orang terhadap kita.

Sekiranya kita melakukan kesilapan terhadap orang lain, segeralah memohon kemaafan dari mereka, kerana perbuatan yang menyakiti hati orang lain, boleh menyebabkan berdendamnya seseorang dalam hubungan kita sesama manusia. Tambahan pula, kita tidak tahu bila ajal akan menjemput kita. Terdapat juga sesetengah individu amat berat untuk memberikan kemaafan dan bertekad untuk tidak memaafkan sampai bila-bila dan ada juga yang memberi maaf tapi masih berdendam. Di manakah diri kita?

"Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu) kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa. (laitu) orang-orang yang membelanjakan (hartanya) pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahan serta memaafkan (kesalahan) orang. Dan Allah mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan." (Terjemahan makna ayat Surah Ali-'Imran : 133 - 134)

Tarbiahkan hati dengan kemaafan

95 PELATIH TAMAT LATIHAN PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA



SETIAUSAHA Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Pra-Graduasi Program Pembangunan Belia Tahun 2024.

Oleh: Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

TANAH JAMBU, Selasa, 25 Februari. - Seramai 95 orang pelatih Program Pembangunan Belia Sesi Tahun 2024 terdiri daripada 54 pelatih lelaki dan 41 pelatih perempuan, berjaya menamatkan sesi latihan yang diadakan selama sembilan bulan di Pusat Pembangunan Belia (PPB), Tanah Jambu, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan

hadiah kepada para pelatih ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Majlis Pra-Graduasi Program Pembangunan Belia Tahun 2024 berlangsung dengan upacara perbarisan tamat latihan.

Ia merupakan acara tahunan sempena para pelatih telah tamat mengikuti Program Latihan

Kemahiran dan Program Pembangunan Diri selama sembilan bulan di PPB dan bagi menandakan peralihan program yang akan diikuti oleh para pelatih iaitu program penempatan kerja di agensi-agensi kerajaan dan swasta yang akan dijalankan selama tiga bulan.

Majlis turut menyaksikan penyampaian hadiah pelatih terbaik bagi beberapa kategori iaitu Terbaik Kemahiran Latihan, Terbaik dalam lima bidang utama iaitu, Disiplin, Kesukaran, Keugamaan,

Asrama dan Pembangunan Diri. Seorang pelatih lelaki dan seorang pelatih perempuan telah dinobatkan sebagai Pelatih Terbaik Keseluruhan bagi sesi 2023.

Acara juga diselajurkan dengan penyampaian penghargaan kepada empat orang jurulatih kawad dan latihan jasmani daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah membantu pihak PPB dalam mengajar dan membimbing latihan kawad dan latihan jasmani.

Setelah itu, beberapa buah

aktiviti dan pergerakan statik dipersembahkan oleh para pelatih seperti Perbarisan Berjalan Lalu, Pertunjukan Kawad Kaki, Persembahan Jasmani dan 'Body Combat'.

Perbarisan dan persembahan tersebut menunjukkan tahap disiplin yang tinggi sentiasa diterapkan kepada para pelatih sepanjang mengikuti kursus di PPB di samping mengikuti pelbagai aktiviti yang bermanfaat untuk bekal kehidupan mereka di masa hadapan.

Konvoi bermotor semai semangat kemerdekaan



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hasif Matzin

TUTONG, Isnin, 24 Februari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tanjong Maya dan Lubok Pulau mengadakan Aktiviti Konvoi Secara Bermotor bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41 yang bermula di Dewan Kemasyarakatan Tanjong Maya, hari ini.

Perjalanan konvoi berkenaan adalah sepanjang 160 kilometer dan disertai oleh penunggang motosikal dari luar daerah iaitu MPK Lamunin, Kelab TMG dan jemputan luar dan daripada jemputan Pengurus Acara Ride For Unity.

Antara lain tujuan konvoi tersebut ialah untuk menerapkan

nilai kemerdekaan dan menanamkan semangat cinta terhadap negara bukan sahaja sewaktu HK bahkan pada hari-hari biasa juga. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Konvoi tersebut terdiri daripada penduduk Kampung Tanjong Maya dan Lubok Pulau iaitu lebih 30 peserta dan menaiki kenderaan motor 100cc ke atas. Juga turut serta 50 buah penunggang motosikal dari luar daerah.

Terdahulu, acara dimulakan dengan perjalanan konvoi ke luar daerah dan seterusnya kembali ke Dewan Kemasyarakatan bagi penyerahan bendera kepada

tetamu kehormat majlis untuk Upacara Menaikkan Bendera NBD. Juga diadakan beberapa acara yang persembahan silat dari Pertubuhan Warisan Pelangi dan persembahan tarian budaya dari seni budaya tari.

Majlis diakhiri dengan naungan 'Allahuakbar' bagi menyemarakkan lagi semangat HK pada hari tersebut. Dalam kesempatan ini juga, aktiviti jualan berkala kecil bagi peniaga-peniaga kecil terutama sekali peniaga di kampung ini dibuat bagi mendorong mereka agar lebih mandiri dan belajar menjana pendapatan diri.

Dengan adanya acara dan aktiviti ini diharap dapat lagi memperluaskan peranan dalam membantu kerajaan dalam memperkasakan sosioekonomi pendapatan kemasyarakatan.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir selaku tetamu kehormat pada Aktiviti Konvoi Secara Bermotor (atas). Sementara gambar kiri dan bawah, suasana pada majlis tersebut.



PUPUK PENGHARGAAN TERHADAP KREATIVITI TEMPATAN



KIULAP, Isnin, 24 Februari. - Lebih 50 lukisan hasil karya para pelukis tempatan dipamerkan pada acara Art from the Hart 41 yang dianjurkan oleh Hart Furniture dengan kerjasama

ZoArts Foundation bersempena meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025.

Kerjasama dalam perancangan

acara ini bertujuan untuk membawa pengiktirafan yang lebih luas kepada bakat seni tempatan dan memupuk penghargaan yang lebih mendalam terhadap kreativiti tempatan.

Diadakan di Ruang Pameran Hart, Kiulap High Street, Kiulap, pameran ini bukan sahaja memperkenalkan lukisan, bahkan ia adalah satu gerakan yang didedikasikan untuk menyuarakan artis Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Pameran Arts from the Hart 41 ialah Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Haji Awang Abdoh bin Haji Awang Damit. Majlis dihadiri oleh para perwakilan kerajaan, perwakilan asing di negara ini termasuk ahli-ahli industri kreatif dan para pencinta seni.

Menurut Pengasas ZoArts Foundation, Zakaria Omar, kerjasama yang bermakna dengan Hart ini menggariskan komitmen bersama untuk memupuk persada seni tempatan. Setiap lukisan



PENGARAH Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Haji Awang Abdoh bin Haji Awang Damit hadir selaku tetamu kehormat pada majlis Pameran Arts from the Hart 41 (atas dan kiri).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

dalam pameran ini jelasnya mencerminkan kekayaan warisan, emosi dan naratif peribadi Brunei, yang dihidupkan melalui seni karya 51 pelukis yang luar biasa.

Dengan perasmian ini, pameran akan dibuka bagi kunjungan orang ramai bermula hari ini sehingga 9 Mac 2025. Para pencinta seni dan orang ramai

dialu-alukan bagi menyaksikan pameran tersebut bagi melihat sendiri keindahan seni lukisan tempatan.

Sementara itu, bagi para pelukis tempatan, acara berkenaan akan menjadi satu titik langkah, yang akan membuka peluang-peluang baharu, pendedahan dan pengiktirafan yang lebih luas.

Muhasabah diri amalan terpuji

MUHASABAH diri merujuk kepada proses menilai dan menilai kembali setiap tindakan, pemikiran, serta keputusan yang telah diambil dalam kehidupan sehari-hari. Ia adalah satu amalan terpuji yang membantu individu memperbaiki kelemahan diri dan meningkatkan kualiti kehidupan. Dalam konteks Brunei Darussalam, muhasabah diri sangat ditekankan kerana ia selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) yang menjadi teras kehidupan rakyat dan negara.

Amalan ini membantu seseorang mengenal pasti kesilapan yang telah dilakukan, sama ada secara sedar atau tidak. Dengan mengakui kesalahan,

seseorang dapat berusaha memperbaiki diri dan tidak mengulangi kesilapan yang sama. Sebagai contoh, jika seseorang menyedari bahawa dia sering melengahkan solat, muhasabah diri akan mendorongnya untuk lebih peka terhadap kewajipan tersebut dan berusaha memperbaiki disiplin dalam ibadah, selaras dengan penekanan kepada nilai-nilai keagamaan dalam masyarakat Brunei.

Selain itu, muhasabah diri juga mampu memupuk sikap rendah hati dan bersyukur. Dengan menilai pencapaian diri, seseorang akan lebih menghargai nikmat yang diterima dan tidak mudah merasa sombang. Di negara ini, di mana rakyat menikmati

kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi, muhasabah diri penting agar individu sentiasa bersyukur atas nikmat keamanan dan rezeki yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam konteks kehidupan bermasyarakat di Brunei Darussalam, muhasabah diri memainkan peranan penting dalam menjaga hubungan sesama manusia. Ia mendorong individu untuk sentiasa berbuat baik, mengelakkan sifat negatif seperti iri hati, dendam, atau sombong, serta memperbaiki hubungan yang mungkin retak akibat salah faham. Nilai ini amat penting dalam memelihara keharmonian masyarakat yang

berpaksian prinsip MIB.

Kesimpulannya, muhasabah diri adalah amalan terpuji yang membawa banyak manfaat dalam kehidupan. Ia bukan sahaja membantu memperbaiki diri daripada segi rohani dan emosi, tetapi juga memperkuatkkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan sesama manusia. Di Brunei Darussalam, amalan ini wajar dijadikan rutin harian agar kita sentiasa berada di landasan yang betul dalam menjalani kehidupan, seiring dengan aspirasi negara untuk melahirkan rakyat yang berakhlik mulia dan bertanggungjawab.

Nama : Mohammad Azrul
bin Yusuf
No. K/P : 00-307XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Pendidikan Ugama Berperanan Menyemai Akhlak Mulia.' Tarikh Tutup : 26 Februari 2025
- 2.'Hargai Khazanah Alam Semula Jadi.' Tarikh Tutup : 5 Mac 2025
- 3.'Bersatu Mencapai Cita Negara.' Tarikh Tutup : 12 Mac 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PROJEK IKHLAS SEMARAK KEBANGSAAN SANTUNI ASNAF FAKIR, MISKIN



SESI bergambar ramai pada Projek Ikhlas Semarak Kebangsaan secara pandu lalu yang dianjurkan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam.

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BUNUT, Isnin, 24 Februari. - Dalam menyemarakkan suasana Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-41, Persatuan Bulan Sabit Merah NBD menganjurkan Projek Ikhlas Semarak Kebangsaan secara pandu lalu yang berlangsung di Kawasan Letak Kereta, Ibu Pejabat Kebangsaan Persatuan Bulan Sabit Merah NBD, Bangunan Pejabat Pos Bunut, di sini.

Hadir bagi menerima sedekah jariah tersebut ialah Yang Di-Pertua Persatuan Bulan Sabit Merah NBD, Dayang Lailatul Zubaidah binti Haji Md. Hussain.

Projek Ikhlas Semarak Hari Kebangsaan yang diselaraskan oleh Badan Bertindak Bantuan Kemanusiaan Bulan Sabit Merah NBD berkenaan telah menyenaraikan beberapa bentuk sedekah jariah yang berupa

makanan asasi seperti beras, gula, minyak, mi segera, air mineral, tepung, makanan dalam tin, biskut, kopi dan teh, telur dan makanan yang lainnya untuk menyantuni asnaf fakir dan miskin di bulan Ramadan 1446 Hijrah yang akan menjelang tiba.

Pada tahun ini Badan Bertindak Bantuan Kemanusiaan Bulan Sabit Merah NBD menyelaraskan agihan kepada beberapa orang penerima yang terdiri daripada golongan asnaf fakir miskin dan golongan asnaf mualaf, Pusat Da'wah Islamiah pada awal bulan Ramadan nanti.

Projek yang bermula jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang berkenaan adalah untuk menyantuni asnaf fakir dan miskin di bulan Ramadan 1446H dengan memberikan peluang kepada orang ramai untuk menyumbangkan sedekah makanan asasi dan keperluan sehari-hari seikhlasnya.

Pengemaskinian, pelaksanaan dasar baharu perlindungan insurans perubatan

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Bil.	Jenis Pas Imigresen dan Permit Masuk	Tempoh Perlindungan	Jumlah Perlindungan (Coverage)
1.	Pemegang Pas Kerja Kategori Perkhidmatan Domestik	Sepanjang tempoh sah Pas Kerja Pekerja Imigran	Minima sebanyak \$100,000.00
2.	Pemegang Pas Lawatan yang masuk ke Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan Visa Lawatan	Sepanjang tempoh Pas Lawatan	Minima sebanyak \$10,000.00
3.	Pemegang Pas Lawatan Profesional dan Pas Lawatan Berniaga	Sepanjang tempoh Pas Lawatan	Minima sebanyak \$10,000.00 (bagi tempoh lawatan di bawah 90 hari) Minima sebanyak \$100,000.00 (bagi tempoh lawatan melebihi 90 hari)
4.	Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang berwarganegara asing di bawah Kategori Warganegara Asing Yang Menyumbang Kepada Perekonomian, Pembangunan Dan Kemajuan Negara dan juga di bawah Kategori Warganegara Asing Golongan Profesional	Sepanjang tempoh memegang taraf Penduduk Tetap (Mengikut pakej yang disediakan oleh Syarikat Insurans)	Minima sebanyak \$100,000.00

bahawa, setiap pemegang Pas Imigresen dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berwarganegara asing di bawah Kategori Warganegara Asing yang Menyumbang kepada Perekonomian, Pembangunan dan Kemajuan Negara dan Kategori Warganegara Asing Golongan Profesional adalah dimestikan untuk mendapatkan perlindungan insurans perubatan dengan mengikut kadar perlindungan (coverage) dan tempoh masa perlindungan yang telah ditetapkan.

Tujuan utama pengemaskinian ini adalah untuk memastikan semua pemegang Pas Imigresen, para majikan dan penduduk-penduduk tetap warganegara asing dalam kategori yang dimaksudkan mempunyai perlindungan insurans yang mencukupi apabila memerlukan rawatan perubatan semasa tinggal atau bekerja di NBD.

Pelaksanaan akan dilaksanakan secara berfasa. Fasa Pertama akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2025 yang akan melibatkan jenis Pas-pas Imigresen dan Kategori Taraf Penduduk Tetap Warganegara Asing seperti dalam Rajah 1 yang disediakan. Manakala Fasa Kedua akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2026 yang akan melibatkan jenis Pas-pas Imigresen seperti dalam Rajah 2 yang disediakan.

Walau bagaimanapun, bagi pemegang Pas Kerja yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan Asing di NBD dan juga bagi warga asing yang masuk ke NBD bagi tujuan melawat sebagaimana aturan pengecualian visa dengan NBD atau bagi tujuan transit tidak melebihi 72 jam (tiga hari) adalah dikecualikan daripada mendapatkan perlindungan insurans perubatan.

Manakala insurans pekerja imigran yang dibeli sebelum tarikh berkuat kuasanya pelaksanaan dasar baharu ini, adalah masih sah digunakan selepas tarikh berkuat kuasa pelaksanaan dasar ini

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan

dengan ini memaklumkan mengenai dengan pengemaskinian dan pelaksanaan dasar baharu perlindungan insurans perubatan bagi penduduk-penduduk tetap dan pemegang Pas-pas Imigresen.

Adalah dengan ini dimaklumkan

Bil.	Jenis Pas Imigresen	Tempoh Perlindungan	Jumlah Perlindungan (Coverage)
1.	Pemegang Pas Kerja Kategori Syarikat (Sektor Swasta)	Sepanjang tempoh sah Pas Kerja Pekerja Imigran	Minima sebanyak \$100,000.00
2.	Pemegang Pas Tanggungan (Isteri dan anak yang tidak bersekolah)	Sepanjang tempoh Pas Tanggungan	Minima sebanyak \$10,000.00
3.	Pemegang Pas Penuntut berwarganegara asing	Sepanjang tempoh Pas Penuntutnya atau bagi pemegang Pas Tanggungan yang dibenarkan menuntut di sepanjang tempoh pemegang Pas Tanggungannya	Minima sebanyak \$5,000.00

Bil.	Bahagian	Telefon dan Emel
1.	Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh	2381848 (semasa waktu bekerja) atau 7298989 (di luar waktu bekerja)
2.	Bahagian Pendakwaan dan Perundangan, Jabatan Buruh	2380256 ext 4210 (semasa waktu bekerja) atau melalui emel info.buruh@buruh.gov.bn
3.	Bahagian Pas Kerja, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan	2381107 / 2382108 / 2383106 / 2382430 atau melalui emel info@immigration.gov.bn.

sehingga tempoh insurans perlindungan perubatan berkenaan mansuh dan perlindungan insurans perubatan baharu adalah diperlukan dengan kadar perlindungan yang telah ditetapkan sepanjang tempoh sah Pas Kerja yang berkenaan.

Dalam usaha untuk membarigikan mengenai dengan dasar perlindungan insurans yang baharu ini, KHEDN melalui Jabatan Buruh dan JIPK, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan akan mengadakan beberapa Sesi Pembarigan kepada majikan-majikan termasuk agensi - agensi pekerjaan dan pemegang Lesen Perkhidmatan Domestik pada satu tarikh yang

akan dimaklumkan kemudian.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi melalui saluran Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja) atau di Bahagian Pendakwaan dan Perundangan, Jabatan Buruh menerusi talian +673 2380256 ext 4210 (semasa waktu bekerja) atau melalui e-mel info.buruh@buruh.gov.bn atau di Bahagian Pas Kerja, JIPK melalui talian +673 2381107 / +673 2382108 / +673 2382430 atau melalui e-mel info@immigration.gov.bn.


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran :
TERMINAL / 2025-2026 / SH-02

Tajuk tawaran :
The Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of Flight Information Display System (FIDS) Display Monitors At Brunei International Airport For Department Of Civil Aviation.

Tarikh tutup Sebut Harga :
12 Mac 2025,
Rabu
(Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari).


**JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
JMK / PRL / A / 2025-2026 / 003

Tajuk Tawaran :
Tawaran Bagi Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Lanskap Kawasan Luar Bangunan Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Simpang 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
5 Mac 2025M bersamaan
3 / 4 Ramadhan 1446H
Jam 2.00 Petang.



Tajuk Tawaran:
The Supply, Installation And Commissioning Of Emergency Console Workstation Position For VCCS System At Air Traffic Service Centre, Department Of Civil Aviation. ATELS / 2025 / SH-03

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
19 Februari 2025, Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
4 Mac 2025,
Selasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
5 Mac 2025, Rabu.
(Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari)

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam


**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0063 / 2024

Tajuk Sebut Harga :
"To Conduct Basic Safety Training Course For Department Of Fisheries, Brunei Darussalam"

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Tidak lewat pada
Khamis,
20 Mac 2025.
Jam 12.00 Tengah Hari.



Bilangan Tawaran :
KK / 26 / 2025 / ESTETMOH
(TC)

Keterangan :
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance And Repair Of Compressed Air And Associated Accessories At Department Of Scientific, Ministry Of Health

Bilangan Tawaran :
KK / 27 / 2025 / SSBH

Keterangan :
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Ophthalmic YAG Laser System For Ophthalmology Department, SSB Hospital

Bilangan Tawaran :
KK / 30 / 2025 / LAB(TC)

Keterangan :
To Supply And Delivery Consumables And Quality Control For Hemoglobin Meter For Blood Donation Centre And District Blood Banks, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Bilangan Tawaran :
KK / 31 / 2025 / DSS (TC)

Keterangan :
To Supply And Deliver Real - Time PCR Kits And Consumables For Microbiology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years (Part 3)

Tarikh Tutup :
4 Mac 2025.
Tidak Lewat Jam
12.00 Tengah Hari.



Bilangan Tawaran :
KK / 32 / 2025 / UPP(TC)

Keterangan :
Supply And Delivery Medical Consumables Items For Medical Intensive Unit (MICU) And Surgical Intensive Unit (SICU) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Bilangan Tawaran :
KK / 33 / 2025 / UPP(TC)

Keterangan :
Supply And Delivery Medical Consumables (Bausch And Lomb Stellaris Anterior Deluxe Consumables) For Ophthalmology Department At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital

Bilangan Tawaran :
KK / 34 / 2025 / PPN(TC)

Keterangan :
Supply And Delivery Of Laboratory Consumables Items For Dental Laboratory For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three(3) Years (Part 1)

Bilangan Tawaran :
KK / 35 / 2025 / PPN(TC)

Keterangan :
Supply And Delivery Of Laboratory Consumables Items For Dental Laboratory For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years (Part 2)

Bilangan Tawaran :
KK / 36 / 2025 / PPN(TC)

Keterangan :
Supply And Delivery Of Laboratory Consumables Items For Dental Laboratory For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years (Part 3)

Bilangan Tawaran :
KK / 37 / 2025 / PPN(TC)

Keterangan :
Supply And Delivery Of Laboratory Consumables Items For Dental Laboratory For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years (Part 4)

Bilangan Tawaran :
KK / 38 / 2025 / PPN(TC)

Keterangan :
Supply And Delivery Of Laboratory Consumables Items For Dental Laboratory For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years (Part 5)

Bilangan Tawaran :
KK / 39 / 2025 / SSBH(TC)


KEMENTERIAN KESIHATAN

Keterangan :
To Supply And Deliver Of Consumables Items For Intensive Care Unit (ICU), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage - 18 Items

Bilangan Tawaran :
KK / 40 / 2025 / LAB(TC)

Keterangan :
To Supply And Deliver Laboratory Store Consumables (Specimen Label), Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

Bilangan Tawaran :
KK / 43 / 2025 / DSS(TC)

Keterangan :
To Supply And Deliver Listeria Media And Supplements Foir Microbiology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Tarikh Tutup :
11 Mac 2025
Jam 12.00 Tengah Hari.


**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran :
JBS/ADM/TDR/01/2025

Keterangan :
Perkhidmatan Penyediaan, Pembekalan Dan Penghantaran Makan / Minum Berkonsepkan Individually Packed Meals And Drinks Bagi 29 Orang Atlet Di Bawah Program Elite Kecemerlangan Kendalian Jabatan Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup :
11 Mac 2025.

Jam:
Tidak Lewat Jam
2.00 Petang /
Tidak Lewat Jam
12.00 Tengah Hari
Pada Bulan Ramadan.





KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA /
FY2024 / T / BKS / 006
[JPPK/LTN/14/2024]

Nama Tawaran :
Proposed Design And Build
For Slope Protection
At Jalan Pantai Site B,
Berakas Garrison

Waktu Tutup Tawaran
Semasa Bulan Ramadan :
12.00 Tengah Hari,
11 Mac 2025.
(Selasa).



Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA /
FY2024 / T / LMT / 001
[JPPK / LTK / 02 / 2025]

Nama Tawaran :
Eight (8) Months Term
Contract For The Operational
Maintenance And Corrective
Repair Works Of RBAF Facilities
At 3rd Battalion Lumut Camp

Waktu Tutup Tawaran
Semasa Bulan Ramadan :
12.00 Tengah Hari,
25 Mac 2025.
(Selasa).



Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA /
FY2024 / T / LMT / 002
[JPPK / LTK / 03 / 2025]

Nama Tawaran :
Eight (8) Months Term Contract
For The Janitorial, Grass Cutting,
Landscaping And Waste
Disposal Works At
3rd Battalion Lumut Camp

Waktu Tutup Tawaran
Semasa Bulan Ramadan :
12.00 Tengah Hari,
25 Mac 2025.
(Selasa).



Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA /
FY2024 / T / LMT / 003
[JPPK / LTK / 01 / 2025]

Nama Tawaran :
Eight (8) Months Term
Contract For The Planned
Preventive Maintenance And
Repair Works Of Air Conditioning
And Fire Alarm Systems
For 3rd Battalion Lumut Camp

Waktu Tutup Tawaran
Semasa Bulan Ramadan :
12.00 Tengah Hari,
25 Mac 2025.
(Selasa).



JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

Keterangan Projek :
Kerja - Kerja Pembaikan
Kerosakan Bangunan Pentas
Diraja Padang Bandaran,
Jalan Sultan,
Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong - pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
09/BBS/SB/2024 – 2025 J.1

Tarikh
Tutup Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
12 Mac 2025.
jam 12.00 Tengah Hari.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Bilangan dan Tajuk
Tawaran :
MOE / LTK / 114 / 2024 / 2025
(JPPE-FEB-2025)

Replacement Of Damaged
Air-Conditioner For Ministry Of
Education Zone 1
(Brunei Muara 1),
Negara Brunei Darussalam.

MOE / LTK / 115 / 2024 / 2025
(JPPE-FEB-2025)
Replacement Of Damaged
Air-Conditioner For Ministry Of
Education Zone 2
(Brunei Muara 2),
Negara Brunei Darussalam.

MOE / LTK / 116 / 2024 / 2025
(JPPE-FEB-2025)
Replacement Of Damaged
Air-Conditioner For Ministry Of
Education Zone 3
(Brunei Muara 3 & Temburong),
Negara Brunei Darussalam.

MOE / LTK / 117 / 2024 / 2025
(JPPE-FEB-2025)
Replacement Of Damaged
Air-Conditioner For Ministry Of
Education Zone 4 (Tutong),
Negara Brunei Darussalam.

MOE / LTK / 118 / 2024 / 2025
(JPPE-FEB-2025)
Replacement Of Damaged
Air-Conditioner For Ministry Of
Education Zone 5
(Belait),
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Dan Waktu :
11 Mac 2025.
Selasa.
(Tidak Lewat Jam
12.00 Tengah Hari).



Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Kantin Dikhaskan
Bagi Golongan Keusahawanan
Mikro, Kecil Dan Sederhana
(MSME)

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :
DA / JKSH / 184 / 2024 / 2025
[BPPA-FEB-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi :
Sekolah Menengah Berakas
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']
Harga Sewa Kantin :
6 Bulan Pertama :
BND497.00 (Sebulan)
4 Bulan Terakhir :
BND994.00 (Sebulan)

DA / JKSH / 185 / 2024 / 2025
[BPPA-FEB-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi :
Maktab Sains Paduka Seri
Begawan Sultan
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']
Harga Sewa Kantin :
6 Bulan Pertama :
BND761.50 (Sebulan)
4 Bulan Terakhir :
BND1,523.00 (Sebulan)

DA / JKSH / 186 / 2024 / 2025
[BPPA-FEB-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi :
Maktab Sains Paduka Seri
Begawan Sultan
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']
Harga Sewa Kantin :
6 Bulan Pertama :
BND761.50 (Sebulan)
4 Bulan Terakhir :
BND1,523.00 (Sebulan)

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
15 Mac 2025.
(Jam 9.00 Paggi).



Bilangan Tawaran :
JPKK / JKSH2425-QTN.06 / ADM

Tajuk Tawaran :
Membekalkan Pelbagai
Barang Cetak Bagi
Jabatan Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan Dan
Ekonomi

Tarikh Tutup / Jam :
8 Mac 2025.
- Hari Sabtu.
(9.00 Paggi)



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)



DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK**
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU**
SAHAJA.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Bilangan Tawaran :
UNISSA / SB0078 / 2024 / 2025

Tajuk Tawaran :
Membekal Dan Menghantar
Buku-Buku Bagi Kegunaan
Perpustakaan Kampus
Sinaut Tutong
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

Bilangan Tawaran :
UNISSA / SB0079 / 2024 / 2025

Tajuk Tawaran :
Membekal Perkhidmatan Buruh
Bagi Kampus Gadong Universiti
Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Selama Satu (1) Tahun

Bilangan Tawaran :
UNISSA / SB0080 / 2024 / 2025

Tajuk Tawaran :
Membekal Perkhidmatan Buruh
Bagi Kampus Sinaut Tutong
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)
Selama Satu (1) Tahun

Bilangan Tawaran :
UNISSA / SB0081 / 2024 / 2025

Tajuk Tawaran :
Membekal Perkhidmatan
Pemeliharaan Memotong
Rumput Bagi Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Kampus Gadong Selama
Satu (1) Tahun

Bilangan Tawaran :
UNISSA / SB0082 / 2024 / 2025

Tajuk Tawaran :
Membekal Perkhidmatan
Pemeliharaan Memotong
Rumput Bagi Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Kampus Sinaut Tutong Selama
Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup :
Tidak Lewat
Rabu,
12 Mac 2025.
Jam 12.00 Tengah Hari.



Bilangan Tawaran :
UNISSA / SB0076 / 2024 / 2025

Tajuk Tawaran :
Maintenance Services
For Fire Extinguishers At
Gadong Campus Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA) -
[Class: 1 & Above] &
[Category : KPME 05]

Bilangan Tawaran :
UNISSA / SB0077 / 2024 / 2025

Tajuk Tawaran :
Maintenance Services
For Fire Extinguishers At Sinaut
Tutong Campus Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA) -
[Class : 1 & Above] &
[Category : KPME 05]

Tarikh Tutup :
Tidak Lewat Hari
Rabu,
12 Mac 2025.
Jam 12.00 Tengah Hari.



Bilangan Tawaran Sebut Harga:
03 / JPB / SH / 2025

Keterangan:
Tawaran Sebut Harga
Membekalkan Catuan
Makanan Bagi Penjara
Lelaki Maraburong Fasa 3
(Bagi Tempoh 3 Bulan)

Yuran Tawaran:

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
11 Mac 2025.
(Tidak lewat dari
Jam 2.00 Petang)



Bilangan Tawaran :
UNISSA / SB0075 / 2024 / 2025

Tajuk Tawaran :
Renovation Of Pond At
Sinaut Tutong Campus
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA) -
[Class: 1 & Above] &
[Category : KA 01]

Tarikh Tutup :
Tidak lewat Hari
Rabu,
12 Mac 2025.
Jam 12.00 Tengah Hari.



Bilangan Tawaran:
04 / FEB / 2025 /
KKBS / PJK / 16.16

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Penggantian
Lantai dan Pembasmian
Anai Bagi Kompleks
Sukan Sungai Kebun,
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Brunei Darussalam

Replacement Of Existing
Floor And Anti Termite Work For
Sungai Kebun Sports Complex,
Ministry Of Culture,
Youth And Sports,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Tidak lewat
Selasa,
4 Mac 2025.
Jam 2.00 Petang.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI sahaja

Kategori :
KA01

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran:**
5 Februari 2025.

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Tidak lewat Selasa,
25 Februari 2025.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
4 Mac 2025.
Tidak lewat jam 12.00
Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / BBA 02 / 2025

Nama Projek:
Menaitaraf Jambatan
(Besi Ke Konkrit) – Paket 3:
Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 12
/ 2024-2025 (R)

Tajuk Sebut Harga :
Perkhidmatan Pengawal
Keselamatan (Security Guard
Services) Ke Atas Bangunan
Kementerian Sumber-Sumber
Utama Dan Pelancongan Selama
2 (Dua) Tahun

Tarikh Tutup Sebut Harga :
13 Mac 2025, Khamis.
Jam 12.00 Tengah Hari.

Tarikh Taklimat:
3 Mac 2025, Isnin.
Jam 9.00 Pagi.

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam

Kelas:
II & III

Kategori:
KA01 Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 04 / CQS / 2025-T / II

Nama Projek:
kerja-kerja pembekalan dan
penghantaran blok konkrit bagi
kawasan tanah susur – fasa 2

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
25 Februari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
18 Mac 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
IV, V & VI

Kategori :
KA01, B01 Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 05 / CQS / 2025-TV

Nama Projek:
Maktab Sains Kuala Belait –
Football Field And
Running Track

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
18 Februari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
4 Mac 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



PROGRAM SUA MUKA BARIGAKAN MAKLUMAT, ISU SEMASA



Oleh : Pg. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

TUTONG, Selasa, 25 Februari. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Daerah, hari ini mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Kiudang dan Pad Nunok, Mukim Kiudang, Daerah Tutong bertempat di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pad Nunok, Mukim Kiudang.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan, Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman, selaku Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik.

Manakala, bagi pihak Kampung Kiudang dan Pad Nunok diketuai oleh Ketua Kampung Kiudang dan Pad Nunok, Awang Muhammad Rifaie bin Haji Abdul Rahim @ Cyril Wong Selangkir.

Hadir bagi menyampaikan

SUASANA Program Sua Muka yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pad Nunok, Mukim Kiudang (kiri dan atas kiri).



taklimat kepada para penduduk kampung ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Perdana Menteri, Unified Smart Metering System Sdn. Bhd. (USMS) mengenai penggunaan sistem meter baharu; dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) mengenai pendaftaran semula kad sim prabayar.

Turut hadir ialah para pegawai dari Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan; dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Tenaga, JPM.

Program dimulakan dengan ucapan mukadimah daripada ketua rombongan yang antara lain menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Sebagai salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan, iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat - kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisikan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan prasarana, kesejahteraan dan kemudahan awam serta hal-hal lain.

116 penuntut Sekolah Menengah Rimba II hadiri Taklimat Kenegaraan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PEGAWAI Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim ketika menyampaikan Taklimat Kenegaraan (atas kanan). Manakala gambar atas kiri dan bawah kanan, sekitar Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang diadakan di Sekolah Menengah Rimba II.

RIMBA, Selasa, 25 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Rimba II.

Seramai 116 orang penuntut Tahun 7 menghadiri taklimat yang diadakan di Lecture Theatre

sekolah berkenaan.

Turut hadir ialah Pengetua Sekolah, Awang Darlin Sia Vui Sue dan para tenaga pengajar.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim, selaku Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik yang antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik kibarkan bendera negara serta sejarah lagu kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyertai menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan.

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.



BERGOTONG-ROYONG MEMBERSIKHKAN PERSEKITARAN MASJID

Berita dan Foto : Ihsan Haji Mohammad Isa Haji Marsidi

BATU MARANG, Isnin, 24 Februari. - Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Batu Marang telah menganjurkan Kempen Kebersihan bagi membersihkan kawasan dalam dan luar pekarangan masjid berkenaan, hari ini.

Setiausaha AJKT, Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi menyatakan bahawa kempen ini adalah merupakan aktiviti tahunan takmir sebelum kedatangan bulan

Ramadan. Kempen pada kali ini dihadiri seramai lebih 110 orang yang terdiri daripada AJKT, Ahli Kumpulan Muslimah Al-Ma'wa dan jemaah serta penduduk Kampung Batu Marang.

Sebelum kempen ini dimulakan, acara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid / Ketua Imam Masjid Kampung Batu Marang, Awang Saiful Rizal bin Haji Abd. Ghafar.



Sumbangan bantu ringankan beban golongan memerlukan



AHLI Penasihat Projek Bina Bakti semasa menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Misi Jelajah Program Menyantuni Masyarakat Edisi Khas.

Berita dan Foto : Ihsan Projek Bina Bakti

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Februari. - Projek Bina Bakti dengan kerjasama Qifi Production telah mengadakan Misi Jelajah Program Menyantuni Masyarakat Edisi Khas yang dianjurkan bersempena Semarak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41 Tahun.

Seramai 10 keluarga terpilih terdiri daripada golongan anak yatim, ibu tunggal dan keluarga yang kurang berkemampuan di Daerah Brunei dan Muara menerima sumbangan berbentuk barang asasi yang disumbangkan oleh D'Sunlit Sdn. Bhd., Syarikat Perniagaan Malar Setia dan Milimewah Group.

Hadir bagi menyampaikan sumbangan adalah Ahli Penasihat Projek Bina Bakti, Dayang Fatimah binti Haji Jamil.

Turut hadir, Pemangku Pengurus 1 Projek Bina Bakti, Muhammad Amirul Aqil bin Abdullah Ang.

Sumbangan tersebut diharap akan dapat meringankan beban para penerima dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Turut menyokong usaha yang berkebajikan ini ialah ahli anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat, Cawangan Mentiri dan Syarikat Haque Vanu Contractor yang telah sama-sama membantu memotong rumput dan membersihkan kawasan sekitar masjid.



ANTARA yang menyertai Kempen Kebersihan yang diadakan di Masjid Kampung Batu Marang.

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Sayur Lada Hijau Kampung Kapok

BAHAN-BAHANNYA :

- 1 biji bawang besar (dihiris)
- ½ kg lada hijau (dihiris)
- 1 sudu kecil belacan
- Minyak untuk menumis
- Garam

Ajinomoto

CARANYA :

Panaskan minyak, goreng belacan dengan api kecil, kemudian masukkan bawang

besar, tumis hingga keperangan. Campurkan bersama lada hijau dan gaul hingga masak dan layu. Perasakan masakan dengan ajinomoto dan garam serta sedikit gula.

PELITA BRUNEI Rabu 17 Februari, 1965.

Muka 5

Y. A. B. MENTERI BESAR BRUNEI Menyeru Seluroh Ra'ayat Negeri Ini Memberikan Kerjasama Kapada Ranchangan Kemajuan Perlembagaan

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah menyeru dan memberikan kerjasama kapada Ranchangan Kemajuan Perlembagaan yang akan kita jalankan tidak berapa lama lagi, kerana ada-lah di-perchayai dengan penoh keyakinan bahawa dengan berjalan-nya Ranchangan Pilehan Raya tersebut maka kita akan maju sa-tapak ka-arah chita2 kita dan tentu-lah Pilehan Raya yang akan di-lancharkan itu mengandungi erti-nya bahawa disifatkan sebagai sejarah khas dalam lapangan siasah di-negeri ini".

Seruan tersebut ada-lah terkandong dalam uchapam yang telah di-lafadzkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal sebagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri pada tahun ini.

Uchapam Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal dengan sapenoh-nya ada-lah disiarkan di-bawah ini:

"Menjelang-nya 1 haribulan Shawal, tahun 1384 ini maka saya mengambil peluang menguchapkan Selamat Berhari Raya kepada seluroh umat Islam di-Brunei khas-nya dan seluroh dunia am-nya.

Di-Hari Raya yang mulia ini, mari-lah kita bershukor kepada Tuhan kerana kita telah dapat menunaikan fardzu puasa dengan sa-baik2-nya dan mari-lah kita berdo'a agar kita akan dapat menunaikan puasa dengan baiknya dan sempurna di-tahun2 yang akan datang.

Di-samping itu tentu-lah banyak perkara2 yang patut kita jadikan chuntoh di-masa kita menunaikan fardzu puasa itu, khas-nya kita hendak-lah insaf bahawa bagaimana pahit dan getir-nya manusia2 yang mlarat yang tidak tentu makan minumnya. Oleh yang demikian hendak-lah kita menanamkan di-jiwa kita perasaan ingin tulong menulong dan bekerjasama untuk mencapai satu masharakat yang adil dan ma'amor yang di-ridai Tuhan. Dalam perkara ini, saya suka menerangkan; kemaamoran, keadilan, ketenteraman, tidak akan dapat di-chapai dengan tidak ada-nya perasaan persamaan, perasaan tulong-menulong, perasaan bergotong-ropong maka mudah-mudahan dengan berkat hari yang mulia ini kita umat Islam di-Brunei ini akan dapat menginsafi dan mengamalkan buat selama2-nya untuk kebijakan ra'ayat dan negeri kita sendiri.

Saya sebagai Ketua Pentadbir di-negeri ini ingin menarek perhatian kapada seluroh penduduk di-negeri ini supaya tuan2 akan dapat memerhatikan dan bershukor dengan ada-nya kemajuan2 yang telah di-usahakan oleh Kerajaan pada tahun2 yang lalu.

Saya perchaya tentu-lah segala usaha2 dan kemajuan2 yang telah kita saksikan itu tidak akan dapat di-laksanakan dengan baik-nya jika-lau tidak dengan kerjasama daripada beberapa bahagian untuk menjalankan dan memajukan perusahaan dan kemajuan2 ini. Ini juga terbokti ra'ayat di-negeri ini ada-lah memberikan kerjasama-nya kapada Kerajaan.

Saya tidak pula menapikan penduduk2 yang bukan ra'ayat di-negeri ini ada-lah juga bersama2 sabahagian memberikan kerjasama-nya untuk kemajuan yang kita telah lihat pada hari ini.

Oleh itu tiap2 ra'ayat ada mempunyai tanggong-jawab yang besar di-dalam mendukung segala usaha2 kemajuan yang di-ranchangkan oleh Kerajaan sebagai yang tuan2 telah ma'alum sekarang Negeri Brunei sedang menuju pula ka-arah kemajuan Perlembagaan, di-mana Kerajaan akan mengadakan pilehan raya bagi memilih wakil2 untuk duduk di-dalam Majlis Mashuarat Daerah dan juga di-dalam Majlis Mashuarat Negeri.

Ini ada-lah mensesuaikan atau

sesuai dengan chita2 Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang ingin memberikan kuasa sa-chara beransor2 kapada ra'ayatnya dalam mengendalikan dan mentadbirkan negeri ini.

Oleh yang demikian saya berseru kapada seluroh ra'ayat di-negeri ini supaya akan membuat baik dan memberikan kerjasama kapada ranchangan kemajuan Perlembagaan yang akan kita jalankan tidak berapa lama lagi kerana ada-lah di-perchayai dengan penoh keyakinan bahawa dengan berjalan-nya ranchangan pilehan raya tersebut maka kita akan maju sa-tapak ka-arah chita2 kita dan tentu-lah pilehan raya yang akan di-lancharkan itu mengandungi erti-nya bahawa disifatkan sebagai sejarah khas dalam lapangan siasah di-negeri kita ini.

Dalam pada itu kemajuan Perlembagaan yang sedang di-ranchangkan itu tidak ada erti-nya sakira-nya ra'ayat di-negeri ini berpechah-belah. Oleh yang demikian saya berseru kapada seluroh ra'ayat di-negeri ini mudah-mudahan dengan berkat hari dan bulan baik ini kita akan bersatu-padu dan mari-lah kita berkerjasama, mari-lah kita berusaha menchari jalan untuk kebaikan dan kemaamoran negeri kita Brunei Darul Salam yang di-chintai ini.

Saya memperchayai tiap2 orang ra'ayat di-negeri ini sa-memang-nya telah berchita2 supaya negeri ini sentiasa berada di-dalam kemaamoran lan ke-tenteraman. Mudah-mudahan



Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal bin Maun.

chita2 itu akan di-ridai oleh Tuhan supaya negara kita yang di-kasih ini akan sentiasa aman tenteram buat selama2-nya. Dari itu sakali lagi saya memperingatkan chita2 yang suchi murni itu tidak akan terlaksana sakira-nya kita berpechah-belah.

Akhir-nya di-hari yang mulia ini, mari-lah kita berjabat tangan, berma'af-ma'afan dan menghilangkan rasa hasad dengki dan marilah kita berkerja bergotong-ropong untuk membina negeri kita ini dan menjunjong ugama kita dengan sa-ikhlas2-nya, berma'ana apa2 yang telah tidak baik pada masa yang sudah maka dengan berkat hari ini-lah kita akan menempah sejarah baharu dan melupakan apa yang tidak baik di-tahun yang sudah itu."

AWANG SPINKS BEKAS KETUA MERINYU PULIS BRUNEI KINI BERADA DALAM KEADAAN SEHAT DI ENGLAND—KATA ANAK-NYA

BANDAR BRUNEI.—Awang Hector James Spinks, bekas Ketua Merinyu Pulis Brunei dalam tahun 1947, pada masa ini berumur 64 tahun dan tinggal di-Oxford, England. Ia telah pun bersara dari jawatan Kerajaan dan berada dalam keadaan sehat.

Demikian di-terangkan oleh anak-nya Kapten Peter James Spinks kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan beberapa orang Pegawai Kaninan Kerajaan di atas Kapal Pengangkutan Barang2 Tentara British "Puncheon" di-sini pada malam 6 Februari, 1965.

Kapten Peter James Spinks pada masa sekarang menjadi Ketua Kapal Pengangkutan Barang2 Tentara British yang berulang-alek di-antara Brunei, Labuan dan pelabuhan2 yang berham-piran.

Beliau telah tiba di-Brunei dalam bula September yang lalu dan kini tinggal di-negeri ini.

Waktu2 Sembahyang, Amsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17 Februari hingga ka-hari Ahad 28 Februari, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari Bulan	Matahari						
	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
17	5.06	5.20	6.35	12.40	4.00	6.38	7.49
18	5.06	5.20	6.35	12.40	4.00	6.38	7.49
19	5.06	5.20	6.35	12.39	3.59	6.38	7.49
20	5.05	5.19	6.34	12.39	3.59	6.38	7.49
21	5.05	5.19	6.34	12.39	3.59	6.38	7.49
22	5.05	5.19	6.34	12.39	3.59	6.38	7.49
23	5.04	5.18	6.33	12.39	3.59	6.38	7.49
24	5.04	5.18	6.33	12.39	3.59	6.38	7.49
25	5.04	5.18	6.33	12.39	3.59	6.38	7.49
26	5.04	5.18	6.33	12.39	3.59	6.38	7.49
27	5.04	5.18	6.33	12.39	3.59	6.38	7.49
28	5.03	5.17	6.32	12.38	3.58	6.38	7.49

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



Bangunan Dewan Majlis kekalkan keunggulan warisan seni bangsa

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland dengan kerjasama
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

SEJAK didirikan pada tahun 2007, Bangunan Dewan Majlis berperanan sebagai Pusat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN), sebuah institusi yang menjadi wahana utama dalam membincangkan dasar-dasar negara ke arah pencapaian kemakmuran, kemajuan, keamanan, dan kesejahteraan rakyat serta Negara Brunei Darussalam (NBD).

Daripada sudut seni bina, reka bentuk bangunan ini mengekalkan keunggulan warisan seni bangsa yang telah berkembang sejak berkurun lamanya, berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB). Kubah utama yang mendominasi struktur bangunan ini melambangkan Islam sebagai agama rasmi negara, manakala reka bentuk bumbungnya mencerminkan adat istiadat serta kebudayaan Melayu yang luhur.

Lima bulatan kecil di atas kubah utama melambangkan Rukun Islam yang menjadi teras pegangan umat Islam di negara ini. Sementara itu, struktur tiang-tiang di bahagian luar bangunan mencerminkan tahun-tahun bersejarah bagi negara, khususnya pelaksanaan Perlembagaan Negara Brunei pada tahun 1959.

Pintu utama bangunan ini pula dihiasi dengan ukiran unik berasaskan cop mohor Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin seperti Air Mulih, Rawa-rawa dan Bunga Karamunting, yang melambangkan keindahan serta keunikan seni ukiran Brunei. Tiang-tiang dalam bangunan Dewan Majlis pula menjadi simbol kepada tahun kemerdekaan NBD pada 1984, menandakan detik bersejarah negara mencapai kedaulatan sepenuhnya.

Keagungan seni dan sejarah negara turut dipaparkan melalui mural tembaga tulen yang menggambarkan peristiwa penting

seperti Perjanjian Persahabatan antara Brunei dan Britain yang ditandatangani pada 7 Januari 1979 serta Perjanjian Perlembagaan Bertulis Brunei pada 29 September 1959.

Slogan 'Adil Laila Bahagia' pula melambangkan NBD kekal sebagai sebuah kerajaan berperlembagaan dan sistem perundangannya yang adil, berdaulat, aman, makmur dan penuh kebahagiaan, tetap kukuh dan utuh di bawah naungan serta rahmat Allah Subhanahu Wata'alaa.

Ukir-ukiran halus dan reka bentuk yang menggambarkan keindahan budaya Melayu Brunei menghiasi ruang dalam dewan persidangan. Keindahan kain tenunan Brunei yang penuh kehalusan dan keunikan menghiasi dinding dewan majlis, memperkayakan suasana dengan unsur tradisi yang mempesona. Sementara itu, ukiran bunga yang dilihamkan daripada reka bentuk duit syiling Brunei disusun di sekitar dewan.

Manakala dalam mencerminkan semangat muzakarah yang berlandaskan keharmonian, perpaduan dan sikap saling menghormati, tempat duduk ahli MMN dibentuk dalam susunan ladam (U-Shape).

Cokmar

Cokmar merupakan batang (cadangan : tonggak) yang diperbuat daripada logam yang diukir indah, digunakan sebagai tanda kebesaran atau kekuasaan dalam upacara tertentu, seperti sewaktu memulakan sidang parlimen. Dalam persidangan tersebut ia dibawa oleh tiga orang Bentara Dewan yang berpakaian lengkap, iaitu seorang mengangkat Cokmar tersebut manakala dua yang lainnya menjadi

pengait mengiringi pembawa Cokmar tersebut di sebelah kiri dan kanan pembawa Cokmar.

Dalam satu wawancara bersama Bentara Dewan di Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Awang Haji Julkafli bin Rais telah menjawat jawatan ini selama 15 tahun yang mana tahun ini adalah tahun terakhir beliau berkhidmat. Selain ditugaskan untuk membawa Cokmar semasa MMN bersidang, beliau juga berperanan sebagai penyelia yang menjaga keselamatan sepanjang persidangan berlangsung.

"Syukur Alhamdulillah, sepanjang saya menjadi Bentara Dewan yang menyelia keselamatan semasa Persidangan MMN, tidak ada kejadian yang mencemaskan berlaku. Hanya perkara kecil-kecilan sahaja berlaku dan bukan seperti perkara yang terjadi di persidangan luar negara kerana segala perbaasan yang dijalankan sepanjang MMN dilakukan secara bermuzakarah," ujar beliau.

Berkhidmat sejak tahun 2010, beliau banyak mempelajari tugas dan tanggungjawab sebagai seorang Bentara Dewan termasuk menjaga tata tertib orang ramai daripada segi berpakaian, kelakuhan dan barang-barang yang ditegah masuk ke dalam dewan.

"Bagi pelapis Bentara Dewan yang baru diharap akan mengetahui lebih mendalam lagi mengenai latar belakang keselamatan agar ia mudah untuk mengendali keselamatan semasa persidangan berlangsung," jelasnya.

Di luar persidangan, beliau juga bertugas sebagai jurupandu semasa sesi lawatan di Dewan Majlis. Sebelum mengakhiri perbualan, beliau berharap MMN akan terus berkembang dan mengalu-alukan orang ramai untuk mengadakan sesi lawatan bagi memahami lebih lagi mengenai apa yang dimaksudkan dengan MMN.

Peranan Cokmar

Cokmar merupakan lambang kekuasaan dalam permesyuaratan ataupun ketika permesyuaratan diadakan. Ketika Perasmian Permesyuaratan dijalankan, Cokmar diangkat dan dibawa mendahului masuk ke dalam Dewan Mesyuarat, dibawa oleh Bentara dan diikuti oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diiringi oleh Yang Di-Pertua Dewan dan Jurutulis.

Setiap kali permesyuaratan ataupun persidangan dijalankan, Cokmar dibawa masuk ke dalam Dewan oleh Bentara dan diiringi oleh Yang Di-Pertua Dewan dan Jurutulis, dan akan diletakkan di tempat khas berhadapan dengan tempat duduk Jurutulis, begitu juga halnya apabila permesyuaratan ditangguhkan, Cokmar ini akan dibawa keluar dari dewan dan diiringi juga oleh Yang Di-Pertua Dewan dan Jurutulis.

Cokmar ini dihasilkan oleh Tukang-tukang Perak yang mahir berasal dari Kampung Sungai Kedayan iaitu Allahyarham Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Seri Utama Haji Awang Abd. Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohd. Taha, Allahyarham Haji Awang Halim bin Tarif, Awang Haji Awang Mohd. Tahir bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar dan Allahyarham Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Awang Md. Taha bin Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Awang Hussin.

Cokmar ini berukuran 800 sentimeter panjang dan ia siap dihasilkan pada tahun 1959 dengan perbelanjaan sebanyak BND12,000. Dihasilkan dengan penuh teliti dan ukirannya mempunyai maksud-maksudnya yang tertentu yang berhubung kait dengan NBD.



4 PELAJAR UNISSA SERTAI OUICP-HASTI DI JEPUN



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BERAKAS, Selasa, 25 Februari. - Seramai empat pelajar siswazah dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Osaka, Jepun bagi mengikuti Practical Study Abroad selama 10 minggu di Kampus Suita, Osaka Jepun di bawah program The Osaka University International Certificate Programme (Halal Science, Technology and Innovation)

(OUICP-HaSTI).

Program ini merupakan kerjasama di antara Osaka University, Jepun dan tiga Institusi Pengajian Tinggi di Negara Brunei Darussalam termasuk UNISSA sejak penawaran program pada tahun 2020.

Melalui program ini, pelajar siswazah akan mengikuti OUICP-HaSTI selama 10 bulan

secara hibrid, bermula pada Disember 2024 dan akan berakhir pada Ogos 2025.

Empat pelajar tersebut merupakan pelajar Master of Halal Science dan PhD in Halal Science di Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, UNISSA.

Antara objektif utama program ini adalah untuk memberikan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai sains dan teknologi dalam inovasi produk serta perkhidmatan halal.

Selain itu, program ini turut memberi peluang kepada para pelajar untuk berinteraksi secara langsung dengan pakar sains dan teknologi di universiti luar negara.

Halal bukan lagi suatu konsep yang asing bagi negara bukan Islam. Oleh itu, integrasi aspek sains dalam industri halal menjadi semakin relevan dalam menyelesaikan pelbagai isu yang timbul, sekali gus memperkuuh

standard halal di peringkat global. UNISSA sangat menyambut baik peluang yang ada bagi pelajar untuk menimba ilmu dan menambah pengalaman dengan mengikuti program pengantarabangsaan yang ditawarkan oleh mana-mana universiti di luar negara.

Peluang ini penting bagi pelajar untuk meningkatkan prestasi akademik, menyerlah dalam penyelidikan halal dan seterusnya dapat meningkatkan kebolehpasaran kerja pelajar dalam industri halal yang semakin berkembang pesat di serata dunia.

Hasil daripada program ini juga akan melihat pelajar sebagai pelopor pembangunan dan penyelidikan halal yang bertaraf antarabangsa.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pengarah di Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim, dan beberapa orang tenaga akademik di pusat tersebut.

Kukuhkan perpaduan, hayati, nikmati erti kemerdekaan

Berita dan Foto : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Februari. - Sambutan Hari Kebangsaan (HK) pada 23 Februari setiap tahun membawa makna yang besar kepada masyarakat dan negara.

Sambutan ini memberi makna bahawa kita memiliki sebuah negara berdaulat. Usia kemerdekaan yang sudah mencapai 41 tahun ini tidak seharusnya melalaikan kita daripada mengingati negara.

Kecintaan kepada negara (patriotisme) adalah satu semangat yang menuntut tanggungjawab, ketiaamanan dan pengorbanan. Kita harus memaknakan Sambutan HK dengan mengulangi ikrar dan tekad sebagai rakyat yang bermaruah untuk memperbaharui semangat patriotisme kepada negara.

Patriotisme bukan sekadar slogan dan simbol semata-mata, tetapi semangat yang mencetuskan pengaruh yang kuat bagi tingkah laku manusia mempertahankan kedaulatan negara dan mensejahterakan rakyat.

Oleh itu, kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD) perlulah menghargai nikmat kemerdekaan yang kita kecapi ini. Usaha bersepadan dan berterusan perlu dilakukan oleh semua pihak agar semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat terus bersinar.

"Alhamdulillah NBD telah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerajui dan memimpin negara ini dengan adil dan bijaksana selama 41 tahun

dengan jayanya.

"Saya sebagai rakyat negara ini amat bangga dan bersyukur bagi menikmati kejayaan, kemajuan dan kepimpinan raja yang adil dan bijaksana," demikian jelas Setiausaha Agung Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB),

Awang Haji Mustapa bin Haji Masri dalam temu bual bersama Pelita Brunei.

Menurut Awang Haji Mustapa lagi, beliau melihat merdeka adalah kesungguhan setiap individu masyarakat bagi sama-sama membantu pihak kerajaan menyokong dan mendukung kepimpinan yang sedia ada, sentiasa menjaga keluhuran dan fahaman falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), bekerjasama dalam menyumbangkan kemajuan negara dalam pelbagai aspek.

Pada dasarnya kemerdekaan lambang keunggulan jati diri bangsa setiap lapisan masyarakat berpaksikan ajaran agama Islam, melonjakkan kemajuan negara daripada segi ekonomi mampar, meningkatkan kualiti pendidikan yang tinggi, sentiasa menjaga kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat dan masyarakat NBD dalam mengharungi apa jua cabaran yang mendatang.

"Alhamdulillah saya penuh percaya dan yakin bahawa rakyat Brunei adalah rakyat yang

sertai kemerdekaan secara yang holistik dan menyeluruh," ujar Awang Haji Mustapa. Manakala bagi Awang Mohammad Aqiel Khairi bin Muhammad Alias dari Politeknik Brunei pula mengongsikan, kemerdekaan bagi beliau ialah kebebasan dan peluang. Kebebasan dalam bab akademik untuk meneroka idea dan mengekspresikan diri tanpa berasa takut.

Manakala daripada aspek peluang pula jelasnya, kemerdekaan NBD juga memberikan banyak peluang untuk

bekerja atau berniaga tanpa banyak sekatan. Untuk itu tambah beliau, kemerdekaan bukan sekadar bebas daripada penjajahan tetapi juga bebas daripada pelbagai aspek kehidupan.

Sementara itu, Pensyarah di Sekolah Perdagangan (School of Business) Politeknik Brunei, Dayang Iddatul Akmah binti Haji Ismail menyatakan, dalam usaha untuk memajukan negara, kita boleh memberi tumpuan kepada beberapa aspek dalam Wawasan Brunei 2035.

Antara perkara itu jelasnya, meningkatkan pendidikan dan kemahiran dengan menuntut ilmu agar menjadi

tenaga kerja yang berdaya saing, membantu NBD mencapai rakyat yang berpendidikan tinggi.

Selain itu ujarnya, menjadi warga yang bertanggungjawab dengan mematuhi undang-undang, mengamalkan integriti, dan berusaha bersama memajukan negara selaras dengan ajaran Islam. "Kita juga perlu mendoakan kesejahteraan negara dan aktif dalam pembangunan demi kesejahteraan generasi akan datang," tambahnya.

Justeru, sebagai warga yang bernaung di bawah bumi NBD ini hendaklah sama-sama memelihara kesejahteraan, keamanan dan sama-sama menjadikan negara kita sebagai negara yang makmur dan maju dalam apa jua lapangan dengan sama-sama menyumbangkan daya usaha untuk memacu negara ini ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Semoga NBD terus dikenal pasti keamanan, keteguhan ekonomi, diajukan daripada segala perbuatan jahat dan fitnah yang boleh membawa malapetaka dan kehancuran negara. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kukuhkan perpaduan agar sentiasa hidup dalam kemakmuran dan keselamatan sepanjang zaman.



SETIAUSAHA Agung Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Awang Haji Mustapa bin Haji Masri (kiri) dan Awang Mohammad Aqiel Khairi bin Muhammad Alias dari Politeknik Brunei (kanan).

sangat mendukung kedaulatan kepimpinan beraja dan falsafah MIB. Di antara cara kita mencurahkan semangat patriotisme ialah dengan sentiasa menyokong usaha-usaha kerajaan dalam pelbagai aspek kemajuan, sentiasa menanamkan dan meningkatkan jati diri positif, berfikiran futuristik dan sentiasa menghayati ajaran-ajaran Islam," tambahnya.

Beliau seterusnya menambah, antara peranan dalam memajukan lagi negara ialah sentiasa bekerjasama dan berganding bahu dengan pihak kerajaan dalam memajukan negara tercinta ini.

"Sebagai seorang aktivis sukarelawan (NGO), saya dapat membantu badan-badan sukarelawan lain bagi membantu dan menyantuni masyarakat yang kurang berkemampuan, menanamkan jati diri positif dan nilai-nilai murni kepada generasi muda sama ada dalam organisasi, kampung dan sekolah bagi melihat



PENSYARAH di Sekolah Perdagangan (School of Business) Politeknik Brunei, Dayang Iddatul Akmah binti Haji Ismail.



PENGELUARAN KERETA THAILAND MENURUN PADA JANUARI

BANGKOK, 25 Feb. - Pengeluaran kereta Thailand terus menurun pada Januari berikutan jualan dan eksport domestik yang lebih

rendah, data daripada Persekutuan Industri Thai (FTI) menunjukkan pada Isnin.

Pengeluar kereta Thailand mengeluarkan 107,103 kendaraan bulan lepas, turun 24.63 peratus

daripada tahun sebelumnya dan jatuh kepada 17.37 peratus pada Disember 2024, apabila pengeluaran kereta penumpang dengan enjin pembakaran dalam (ICM) menjunam, menurut FTI.

Jualan kereta domestik merosot 12.26 peratus tahun berbanding tahun sebelumnya 48,092 unit pada Januari, apabila institusi kewangan mengekalkan amalan pemberian pinjaman yang ketat, berikutan peningkatan hutang isi rumah dan pertumbuhan ekonomi yang lembap, kata jurucakap Kelab Industri Automotif FTI, Surapong

Paisitpattanapong.

Eksport kereta siap negara Asia Tenggara itu merosot 28.13 peratus daripada tahun sebelumnya kepada 62,321 unit pada Januari, berikutan keimbangan terhadap dasar perdagangan dan kurang hari bekerja, Surapong memberitahu sidang akhbar. - ©XINHUA

'Marikh pernah miliki pantai?' Penyelidik jumpa petunjuk baharu

NEW YORK, 25 Feb. - Sepasukan penyelidik antarabangsa menganalisis data yang dikumpul daripada perayau atau 'rover' 'Zhurong' milik China menemukan bukti menunjukkan bahawa planet Marikh pernah memiliki pantai, lautan dengan ombak dan angin, menurut kajian yang diterbitkan pada Isnin, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Penyelidik dari universiti di Amerika Syarikat dan China mengkaji data dikumpulkan oleh 'Zhurong', yang mendarat di kawasan dikenali sebagai Utopia Planitia pada 2021.

'Zhurong' ditugaskan untuk mencari tanda-tanda kewujudan air atau ais di Marikh, selain mengumpul data geologi persekitarannya menggunakan radar frekuensi rendah dan tinggi.

"Kami mencari kawasan di Marikh yang kelihatan seperti pantai dan delta sungai purba. Kami menemukan bukti angin, ombak, pasir dalam jumlah yang banyak seolah-olah seperti pantai percutian sebenar," kata penulis bersama kajian itu, Benjamin Cardenas yang juga merupakan penolong profesor geologi di Universiti Penn State, AS.

Menurut kajian 'Proceedings of the US National Academy of Sciences', pelbagai perhatian mencadangkan sejumlah besar air pernah wujud di permukaan Marikh, namun sifat serta keberadaan air masih menjadi persoalan.

"Penemuan ini menunjukkan kewujudan air pada masa lalu, menyokong hipotesis bahawa lautan pernah meliputi dataran utara Marikh," jelas penyelidik dalam kajian itu.

Cardenas berkata data yang diperoleh menunjukkan deposit sedimen bawah tanah mempunyai lapisan struktur serupa dengan pantai di Bumi, termasuk cerun yang seakan menghalau ke laut.

"Ini terus menarik perhatian kami kerana ia mencadangkan kewujudan ombak, yang bermakna terdapat interaksi dinamik antara udara dan air," katanya.

Michael Manga dari Universiti California, Berkeley pula berkata radar imbasan bawah tanah yang digunakan Zhurong membolehkan penyelidik melihat lapisan bawah permukaan Marikh, sekali gus membuka peluang baharu dalam kajian geologi planet itu.

"Semua kemajuan teknologi ini memungkinkan kami mendedahkan pelbagai maklumat baharu mengenai Marikh," katanya. - ©BERNAMA

Indonesia lancar dana kekayaan berdaulat bernilai US\$900 bilion

JAKARTA, 24 Feb. - Presiden Indonesia Prabowo Subianto secara rasmi melancarkan dana kekayaan berdaulat, Daya Agnata Nusantara (Danantara) yang bertujuan mengurus aset milik kerajaan bernilai US\$900 bilion, bermula dengan modal permulaan sebanyak US\$20 bilion.

Beliau berkata modal itu akan memberi tumpuan kepada lebih 20 projek seperti pemprosesan hiliran nikel, bausit dan tembaga, pembangunan pusat data kecerdasan buatan, kilang penapisan minyak, loji petrokimia, pengeluaran makanan dan protein, akuakultur serta tenaga boleh diperbaharui.

"Danantara akan menjadi pemangkin kemajuan, menghubungkan pelaburan

dengan projek utama, mempercepatkan pembangunan ekonomi dan memupuk kemakmuran negara melalui tadbir urus yang telus serta bertanggungjawab," katanya pada majlis pelancaran yang disiarkan secara langsung dari Istana Merdeka pada Isnin.

Danantara akan menguruskan tujuh syarikat berkaitan kerajaan utama, iaitu Perusahaan Listrik Negara, Pertamina dan PT Mineral Industri Indonesia dalam sektor tenaga dan industri; Telkom Indonesia dalam telekomunikasi; serta Bank Mandiri, Bank Negara Indonesia dan Bank Rakyat Indonesia dalam perbankan dan kewangan.

Beroperasi di bawah penyelaras langsun presiden,

Danantara diberi mandat untuk meningkatkan syarikat Indonesia ke dalam senarai Fortune 500, dengan matlamat jangka panjang menyumbang kepada Indonesia Emas 2045, visi negara bagi menjadi ekonomi maju.

Terdahulu, Prabowo berkata kerajaannya telah membuktikan komitmennya untuk mengurus kekayaan negara dengan disiplin kewangan yang ketat serta tadbir urus yang bertanggungjawab dalam tempoh 100 hari pertama pentadbiran.

"Kami telah berjaya memperoleh lebih 300 trilion rupiah, hampir US\$20 bilion, dalam simpanan negara - dana yang sebelum ini terhalang akibat ketidakcekapan, rasuah dan perbelanjaan tidak berkesan." - ©BERNAMA

Badan pemantau internet Australia denda Telegram AS\$635,000

SYDNEY, 24 Feb. - Badan pemantau internet Australia mendenda Telegram hampir A\$1 juta (AS\$635,000) susulan kelewatan melaporkan mengenai kandungan berkaitan keganasan dan bahan penderaan kanak-kanak, lapor agensi berita Jerman (dpa).

eSafety meminta Telegram, bersama-sama platform media sosial lain untuk memberikan maklumat mengenai langkah-langkah yang diambil bagi menangani kandungan berkaitan keganasan dan ekstremisme dalam perkhidmatan mereka.

Telegram juga diminta menjelaskan usaha mereka dalam memerangi bahan penderaan seksual kanak-kanak.

Pada Isnin, eSafety memaklumkan bahawa platform lain memenuhi tarikh akhir pada 6 Mei 2024, namun Telegram hanya

memberikan maklum balas pada 31 Oktober.

"eSafety menganggap Telegram gagal mematuhi notis ketelusan dan mengenakan notis pelanggaran sebanyak A\$957,780," menurut kenyataan itu.

Pesuruhjaya eSafety Julie Inman Grant berkata notis pelanggaran itu memberi mesej jelas kepada industri bahawa ketelusan dalam masa yang ditetapkan bukanlah satu pilihan di Australia.

"Jika kita mahukan akauntabiliti daripada industri teknologi, kita memerlukan ketelusan yang lebih tinggi. Kuasa ini membolehkan kita melihat bagaimana platform-platform ini menangani atau tidak menangani pelbagai ancaman serius dalam talian yang memberi kesan kepada rakyat Australia," katanya.

Inman Grant turut menegaskan

bahawa ancaman yang ditimbulkan oleh kandungan berkaitan keganasan dan ekstremisme yang dikongsi serta dipromosikan dalam talian semakin meningkat, dan penyedia teknologi mestilah bertanggungjawab dengan memastikan ketelusan serta mengambil langkah untuk mengelakkan perkhidmatan mereka disalah guna.

"Penyelidikan dan perhatian menunjukkan bahawa kandungan sebegini boleh menghilangkan sensitiviti, menjadi normalisasi malah kadangkala radikal - terutama golongan muda yang terdedah kepada bahan berbahaya," katanya.

Telegram diberi tempoh 28 hari untuk memohon pembatalan notis pelanggaran, membuat pembayaran, atau memohon lanjutan tempoh bayaran. - ©BERNAMA

3 maut, 5 cedera jambatan runtuh di Korea Selatan

CHEONAN (Korea Selatan), 25 Feb. - Sebuah jambatan runtuh di tapak pembinaan lebuh raya di Cheonan pada Selasa, mengakibatkan tiga pekerja maut dan lima yang lain cedera, lapor Agensi Berita Yonhap memetik pihak berkuasa.

Kejadian berlaku sekitar 9.50 pagi tempatan ketika kerja-kerja pembinaan di lebuh raya Seoul-Sejong.

Lima rasuk keluli sepanjang 50 meter yang menyokong jambatan runtuh satu demi satu semasa kerja-kerja pembinaan.

Kesemua lapan mangsa yang terkorban atau cedera berada di bawah jambatan itu ketika kejadian.

Agensi Bomba Kebangsaan mengerahkan anggotanya bagi mencari mangsa yang hilang dalam insiden itu.

Pemangku Presiden Choi Sang-mok mengeluarkan arahan kecemasan untuk menggunakan semua sumber dan tenaga kerja yang ada bagi operasi menyelamat. - ©BERNAMA

15 mangsa sindiket penipuan tawaran pekerjaan di Myanmar selamat pulang ke tanah air

BUKIT KAYU HITAM, 24 Feb. - Seramai 15 orang warganegara Malaysia yang menjadi mangsa sindiket jenayah penipuan tawaran pekerjaan di Myanmar berjaya dibawa pulang dan tiba di tanah air hari ini.

Kesemua mangsa selamat tiba di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dan diserahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membantu proses siasatan selanjutnya.

Kementerian Luar Negeri (KLN) dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan kementerian melalui Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Thailand telah memudah cara penghantaran pulang kesemua mangsa.

Menurut KLN, selepas diserahkan oleh pihak berkuasa Myanmar kepada pihak berkuasa Thailand pada 12 Februari lalu, Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok telah segera memberikan bantuan konsular yang menyeluruh.

"Bantuan itu merangkumi lawatan konsular, menghubungi waris dan mengeluarkan dokumen perjalanan sementara. Kedutaan juga telah mengatur pengangkutan serta menyediakan barang keperluan asas termasuk makanan dan pelitup muka, di samping mengiringi mangsa sepanjang perjalanan mereka selama 25 jam dari Wilayah Tak, Thailand ke Bukit Kayu Hitam," menurut kenyataan itu.

Kejayaan proses penghantaran pulang turut didukung oleh kerjasama erat daripada Kementerian Dalam Negeri, PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia dan Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla.

KLN turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Thailand atas bantuan mereka dalam menerima warganegara Malaysia dari Myanmar serta mempercepatkan proses penghantaran pulang mereka.

"Kementerian Luar Negeri kekal komited dalam memastikan kebajikan warganegara Malaysia di luar negara sentiasa terpelihara dan melalui perwakilan diplomatiknya sentiasa bersedia untuk memberikan bantuan konsular apabila diperlukan," menurut kementerian itu. - ©BERNAMA

Masato Kanda dilantik presiden baru ADB

MANILA, 24 Feb. - Masato Kanda secara rasmi memulakan tugasnya sebagai Presiden ke-11 Bank Pembangunan Asia (ADB) pada Isnin, menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh pemberi pinjaman antarabangsa itu, lapor Xinhua.

Kanda, yang sebelum ini memegang jawatan sebagai Timbalan Menteri Kewangan Jepun bagi Hal Ehwal Antarabangsa menggantikan Masatsugu Asakawa, seorang lagi bekas pegawai kanan Kementerian Kewangan Jepun.

Ditubuhkan pada 1966, ADB yang beribu pejabat di Manila dimiliki oleh 69 anggota, termasuk 49 negara dari Asia dan Pasifik. - ©BERNAMA

LARIAN HARI KEBANGSAAN SEMARAKKAN HK NBD KE-41



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim hadir selaku tetamu kehormat majlis semasa sesi bergambar ramai (atas). Manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, suasana pada acara Larian Hari Kebangsaan (National Day Run) 2025 yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Februari. - Dalam usaha menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-41, Tn9 Event and Apparel dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan acara Larian Hari Kebangsaan (National Day Run) 2025.

Acara yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara itu

menampilkan dua kategori larian iaitu 10 kilometer (km) Terbuka dan Veteran, serta Larian Riadah 3km.

Mohd. Hakim Darwisy Rozaimie bin Mohd. Khuwarizmi Romeo dan Aida Syazwana Izzati binti Shamsul masing-masing muncul juara Kategori 10km Lelaki dan Kategori 10km Wanita Terbuka.

Manakala, Sefli Ahar dan Qium Chin masing-masing menjuarai Kategori 10km Lelaki dan Kategori 10km Wanita Veteran.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim.

Acara larian tersebut bertujuan bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, selain menggalakkan rakyat serta penduduk di negara ini untuk mengamalkan gaya hidup aktif ke arah membina masyarakat yang lebih sihat.



Pertandingan Persahabatan Memancing eratkan silaturahim



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Februari. - Belalang fishing baru-baru ini telah mengadakan

Pertandingan Persahabatan Memancing yang membawakan tema 'Kebangsaan 2.0' dan

diadakan di kawasan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di ibu negara.

Pertandingan Persahabatan Memancing bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun

Berita dan Foto : Ihsan Md. Irfan Shahrazi Md. Affandy

SERAMAI 30 peserta menyertai Pertandingan Persahabatan Memancing yang membawakan tema 'Kebangsaan 2.0'.

Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41 itu telah mengumpulkan seramai 30 peserta terdiri daripada pelbagai peringkat umur.

Tujuan pertandingan diadakan adalah bagi mengerakkan silaturahim khususnya dalam kalangan peminat aktiviti memancing di negara ini yang mana seperti diketahui semakin ramai belia-belia menjadikan aktiviti memancing sebagai salah satu hobi utama mereka.

OKP hadiri Taklimat Anti Doping



Siaran Akbar dan Foto : Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Februari. - Seramai 50 orang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi (AJKT) dan Biro-biro Sesi 2022-2024 Persatuan Orang Kurang Pendengaran (OKP) Kebangsaan

menghadiri Taklimat Anti Doping anjuran Jawatankuasa Anti Doping Brunei Darussalam (BDADC) dengan kerjasama Persatuan OKP yang diadakan baru-baru ini.

Hadir pada sesi taklimat tersebut ialah Jawatankuasa

BDADC, Awang Mohamad Irwan Shah bin Ladi dan Dayang Hetty Hartini binti Talip. Turut hadir, Yang Dipertua Persatuan OKP Kebangsaan, Pengiran Haji Norahalim BPHA Rahman.

Sesi taklimat ini merupakan julung kali diadakan bersama agensi kerajaan bertujuan sebagai mendekatkan warga orang kurang



SEKITAR Taklimat Anti Doping anjuran Jawatankuasa Anti Doping Brunei Darussalam (BDADC) (atas dan atas kiri).

upaya pendengaran khususnya atlet-atlet OKP yang terlibat langsung dengan aktiviti kesukanan.

Ini juga secara langsung memberikan kefahaman serta ilmu pengetahuan cara-cara pengambilan ubat-ubatan secara

teratur dan dibenarkan untuk diguna pakai apabila atlet tersebut terlibat sepenuhnya dalam apa jua aktiviti kesukanan yang disertai. Taklimat diakhiri dengan sesi soal jawab, seterusnya penyerahan cenderamata dan bergambar rama.



ePaper Pelita Brunei



RIADAH WALKATON SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-41



PEMANGKU Penghulu Mukim Serasa selaku tetamu kehormat semasa sesi bergambar ramai pada Aktiviti Riadah Walkaton yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 1 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

KAMPUNG MERAGANG, Isnin, 24 Februari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 1 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang buat julung kalinya mengadakan Aktiviti Riadah Walkaton yang bermula dan berakhir di Taman Rekreasi 1, Jalan Kamangsi RPN Kampung Meragang, hari ini.

Lebih 100 penduduk kampung Kawasan 1 dan 2 RPN Kampung Meragang menyertai Aktiviti Riadah Walkaton yang terdiri daripada Ahli-ahli MPK, belia-belia, Kumpulan Muslimah dari kedua-dua

Kawasan 1 dan 2 RPN Kampung Meragang.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Penghulu Mukim Serasa, Awang Mohamad bin Haji Tamim yang juga selaku Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Kampung Meragang. Juga hadir, Ketua Kampung Kawasan 1, RPN Kampung Meragang, Awang Madzlan bin Haji Jumat.

Sementara itu, Ketua Penyelaras Aktiviti MPK Kawasan 1 RPN Kampung Meragang, Awang Muhamad Ali bin Hassan

mengongsikan, antara tujuan Aktiviti Riadah Walkaton diadakan ialah bagi menanamkan sikap pentingnya kesihatan dalam setiap individu dengan pengisian aktiviti-aktiviti riadah yang bermanfaat.

Selain itu, tambahnya, ia juga bertujuan bagi mengambil sukut baik sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 dan sekali gus memanfaatkan Hari Kelepasan Awam dengan aktiviti yang bermanfaat.

Di samping itu juga, aktiviti riadah diadakan bagi menyatupadukan penduduk Kampung Kawasan 1 dan 2 dalam

memajukan RPN Kampung Meragang dengan aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan dan bersifat kejiranan ke arah matlamat untuk melahirkan 'Komuniti Bersatu, Kejiranan Harmoni'.

Ia juga bagi menanamkan semangat patriotik kepada warga penduduk RPN Kampung Meragang khususnya Kawasan 1 dan 2, agar dapat menjawai perasaan kesedaran bernegara dalam memikul tanggungjawab untuk memajukan Negara Brunei Darussalam melalui peranan komuniti dan kejiranan kampung dalam menyahut tema Hari Kebangsaan Ke-41 iaitu 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

Perlawanan persahabatan pingpong eratkan silaturahim antara pemain



SESI bergambar ramai pada perlawanan persahabatan tersebut yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Menglait.

pingpong Dewan Serbaguna Menglait sesi pagi dan sesi petang, yang mana sebanyak 30 perlawanan perseorangan telah dapat dilaksanakan.

Pemenang perlawanan persahabatan pingpong tersebut telah berpihak kepada pemain-pemain pingpong sesi petang setelah mereka memenangi 18 kali perlawanan manakala

pemain-pemain pingpong sesi pagi hanya memperoleh kemenangan 12 kali perlawanan.

Perlawanan persahabatan pingpong tersebut turut disertai oleh beberapa Ahli Jawatankuasa Persatuan Pingpong Brunei Darussalam.

Penyampaian hadiah diberikan kepada pemenang-pemenang bagi kategori masing-masing.

Antara lain, perlawanan persahabatan tersebut diadakan bagi mengeratkan silaturahim dalam kalangan peminat-peminat pingpong di negara ini yang mana semakin banyak orang ramai menjadikan permainan pingpong salah satu hobi utama mereka.

Di samping itu ia juga akan dapat meningkatkan kecerdasan daripada segi jasmani dan fizikal serta mental masing-masing.

Berita dan Foto : Ihsan Haji Amrinai Haji Amir

MENGLAIT, Isnin, 24 Februari. - menyertai perlawanan persahabatan yang diadakan di

Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Menglait.

Perlawanan persahabatan ini adalah antara pemain-pemain

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TARBIAHKAN HATI DENGAN KEMAAFAN